

"DI NEGARA kita, pendidikan adalah merupakan suatu usaha memperkembangkan dan meningkatkan potensi individu secara menyeluruh supaya dapat melahirkan, bukan saja rakyat yang berilmu, malahan juga yang bertakwa dan beriman, berdisiplin, produktif dan dinamik." - Titah sempena Hari Guru Tahun 1999.



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"DAN tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara, (tidaklah harus mereka mempunyai hak memilih ketetapan sendiri) mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas dan nyata." - Surah Al-Ahzab ayat 36.

TAHUN 46 BILANGAN 27 RABU 4 JULAI, 2001/1422 رابو 12 ربيع الأخير

PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI : (02) 383941/(02) 383804 Faks : (02) 381004/(02) 380507

Kebawah DYMM hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Puan Adrienne Clarkson, Gabenor Jeneral Kanada dan Yang Amat Berhormat Tuan Jean Chretien, Perdana Menteri Kanada bersempena Hari Kanada.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Kanada. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap kepada Yang Amat Berhormat Puan Adrienne Clarkson, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Kanada akan sentiasa menikmati

kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Jean Chretien, Perdana Menteri Kanada, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan kerajaan serta rakyat Kanada sempena Hari Kanada.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Kanada. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kanada sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Presiden George W. Bush, Presiden Amerika Syarikat bersempena Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Amerika Syarikat. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Presiden George W. Bush, Presiden Amerika Syarikat sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Amerika Syarikat akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

IBB CATAT KEUNTUNGAN LEBIH \$16 JUTA

GADONG, 23 Jun. - Bank Islam Brunei Berhad (IBB) telah mencatatkan keuntungan bersih setelah ditolak pembayaran zakat dan cukai berjumlah \$16,626,917 sehingga 31 Disember, 2000 berbanding dengan tahun 1999 berjumlah \$13,838,718 dengan pendapatan dividen sebanyak 13 peratus (\$7,866,589).

Jumlah aset bank bagi penghujung tahun 1999 menunjukkan peningkatan berjumlah B\$1.172 juta berbanding pada penghujung tahun 1998 yang berjumlah sebanyak B\$1.047 juta telah meningkat sebanyak B\$125 juta iaitu peningkatan sebanyak 11.88 peratus.

Sementara jumlah simpanan pada penghujung 1999 berjumlah sebanyak B\$983 juta berbanding pada penghujung tahun 1998 yang berjumlah sebanyak B\$877 juta telah meningkat sebanyak B\$106 juta dengan peningkatan sebanyak 11.99 peratus.

Jumlah pembiayaan selepas peruntukan ke atas hutang dan pinjaman yang diragukan pada penghujung tahun 1999 adalah sebanyak B\$1,020 juta berbanding B\$850 juta pada penghujung tahun 1998, di mana jumlah pembiayaan telah meningkat sebanyak B\$170 juta dengan peningkatan sebanyak 22.41 peratus.

Oleh Aliddin HM

Pendapatan selepas perbelanjaan operasi meningkat dari tahun 1998 yang berjumlah sebanyak \$34.19 juta kepada

\$39.51 juta pada tahun 1999 dengan peningkatan sebanyak 15.53 peratus dan dijangkakan bagi tahun 2000 akan terus meningkat mencapai kepada B\$44 juta.

Lihat muka 16



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India, Tuan Yang Terutama Tuan Dinesh K. Jain. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India yang akan menamatkan perkhidmatannya ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Dinesh K. Jain.

Majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan, Jalan Tutong di sini.

Tuan Yang Terutama mula berkhidmat di negara ini selaku Pesuruhjaya Tinggi India sejak bulan Ogos, 1997.

PELANCARAN RASMI WAJAH BARU PELITA BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Julai. - Dalam usaha mendukung visi dan misi Jabatan Penerangan bagi mewujudkan masyarakat Brunei bermaklumat, akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI yang kini menjangkau usia 46 tahun, mulai keluaran 11 Julai, 2001 akan berwajah baru.

'MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT BERMAKLUMAT' menjadi slogan dalam merealisasikan peranan yang dipertanggungjawabkan.

Perubahan ini akan memaparkan beberapa ruangan dalam edisi induk dan edisi ANEKA meliputi ekonomi, sosial, alam sekitar, kesihatan dan pendidikan, di samping memuatkan ruangan kemasyarakatan agama dan nama-nama

rumah dalam Islam dan kartun yang dinamakan 'Senyum Budiman'.

Majlis pelancaran rasmi akan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah pada hari Sabtu, 15 Rabiulakhir, 1422 bersamaan 7 Julai, 2001 di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, jam 8.30 pagi.

PELITA BRUNEI mula diterbitkan pada 15 Februari, 1956, sebagai lidah rasmi kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam memberigakan dan menyalurkan maklumat mengenai perkembangan dan pembangunan negara secara dua hala di antara kerajaan dan rakyat.



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
فَمُورُهُ دَانَ مَهَا قِيَاغِ

Dari Sidang Pengarang

4 JULAI, 2001 BERSAMAAN 1422 ربيع الآخر 12

PERAYAAN HARI KEPUTERAAN LAMBANG PERPADUAN NEGARA

ALHAMDULILLAH dalam beberapa hari saja lagi, seluruh rakyat dan penduduk negara ini akan sama-sama merayakan dan menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55. Perayaan Hari Keputeraan itu akan bermula pada hari Ahad, 15 Julai depan. Persiapan-persiapan bagi menyambut perayaan itu kini sedang rancak dijalankan di seluruh negara.

Dalam sama-sama menyemarakkan lagi perayaan yang menjadi lambang kemegahan negara itu, pelbagai program telah diatur dan disusun dengan begitu rapi. Seperti juga di tahun-tahun yang sudah, jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dibentuk di kesemua daerah menyediakan rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan, sukan dan rekreasi, pameran-pameran kraf tangan dan urusan rumah tangga. Selain dari itu, gerai-gerai jualan juga akan diadakan pada setiap malam bermula 15 Julai nanti.

Kemuncak perayaan di daerah-daerah ialah Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat yang akan diadakan di seluruh pelusuk tanah air iaitu Daerah Tutong pada 18 Julai; Daerah Belait, 21 Julai; Brunei dan Muara, 22 Julai; dan Temburong pada 24 Julai. Majlis tersebut tetap ditunggu-tunggu oleh semua lapisan rakyat dan penduduk yang bernaung dan berlandung di bawah payung kerajaan baginda semata-mata bagi menjunjung syiarah dan berinteraksi dengan baginda. Acara yang menjadi tradisi itu sudah barang tentu akan dapat mengukuhkan lagi institusi beraja dan rakyat di negara ini.

Khusus bagi menghimbau hari bersejarah itu, beberapa buah agensi kerajaan dan swasta mengambil inisiatif bagi memeriahkan lagi suasana perayaan itu. Sebagai misal, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri akan menerbitkan empat buah poster yang masing-masing mempunyai tema iaitu Memantapkan Akidah, Kempimpinan, Raja Penyang dan Meningkatkan Kemakmuran. Poster-poster berkenaan dimuatkan dengan gambar-gambar yang memperlihatkan aktiviti-aktiviti baginda baik di dalam mahupun di luar negeri. Inisiatif menerbitkan poster sedemikian adalah semata-mata bagi memeriahkan dan mengenang kembali detik-detik pemerintahan raja kita yang dikasihi. Apa yang membanggakan kos penerbitan poster-poster sedemikian diilayai oleh beberapa buah sektor swasta di negara ini. Selain dari itu, Jabatan Perkhidmatan Pos juga akan menjual keluaran setem kenang-kenangan Sampul Surat Hari Pertama.

Penglibatan bersepadu agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, orang ramai dan pelbagai peringkat dalam masyarakat dalam menanai dan menyusun program-program itu menjadi bukti jelas betapa kuat dan teguhnya ikatan perpaduan kita selama ini. Sesungguhnya perayaan itu berjaya memupuk semangat kerjasama yang padu dan menyuburkan lagi taat setia rakyat jelata yang tidak berbelah bahagi kepada baginda dan kerajaan baginda.

Setelah 34 tahun baginda menaiki takhta kerajaan, Negara Brunei Darussalam di bawah pemerintahan baginda telah mengalami pembangunan dan kemajuan yang pesat dalam semua bidang. Dengan kebijaksanaan dan ketekunan baginda, negara kita bertambah makmur dan maju, dan kehidupan rakyat dalam keadaan aman, tenteram dan sejahtera. Melalui pimpinan dari singgahsana yang berlandaskan Melayu Islam Beraja telah mengutarakan lagi kebawaan baginda selaku raja dan ketua negara. Baginda bukan sahaja seorang pemimpin yang cekap, jujur dan ikhlas malahan juga berani, tegas dalam membuat keputusan serta mempunyai visi dan berpandangan jauh terhadap masa depan negara dan rakyat.

Daya kepimpinan baginda yang cemerlang itu adalah terpancar daripada warisan paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Kesinambungan pimpinan untuk membangun, memaju dan kemakmuran bumi bertuah ini hasil pimpinan dan bimbingan paduka ayahanda baginda. Ini jelas terbukti bukan saja di mata rakyat dan penduduk, malahan juga menjadi pujian dan kekaguman pemimpin, bekerja penuh gigit dan lutan tanpa mengira penat lelah. Berkah daripada usaha yang agung itulah kita telah dapat menikmati segala macam kebajikan dan kebaikan yang tidak terhitung.

Contoh paling ketara, kepentingan negara dan rakyat lebih diutamakan oleh kerajaan baginda ialah penggunaan hasil mahul negara diagih-agihkan sebagai rupa untuk dapat dinikmati oleh setiap lapisan rakyat dan penduduk. Skim pendidikan dan perubatan percuma, bantuan subsidi bagi makanan keperluan seperti beras dan gula, pembahagian tanah kepada rakyat jati, skim perumahan negara dan ketiadaan cukai pendapatan. Pelbagai lagi skim yang telah, sedang atau akan dijalankan malah banyak lagi rancangan-rancangan akan diungkayahkan oleh kerajaan di bawah pemerintahan baginda.

Pada kesimpulan, memang banyak usaha-usaha kerajaan baginda yang menumpukan dan diungkayahkan ke arah kesejahteraan dan keharmonian rakyat dan penduduk negara ini. Maka bersempena sukat baik Hari Keputeraan baginda ini, marilah kita bersama-sama berdoa agar Allah Subhanahu Wataala lanjutkan usia baginda, di samping kita semua rakyat jelata akan terus berikhtir bagi sentiasa memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda dalam kita sama-sama memesatkan pembangunan negara.

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
DAN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

TINGKATKAN PENGETAHUAN, KEPEKAAN WARGA MUDA MENGENAI ALAM SEKITAR

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah dan kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir dan berkumpul untuk menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia pada hari ini. Tema yang kita pilih pada hari ini ialah 'Memupuk Pakatan Bagi Mengawal Alam Sekitar' atau 'Fostering Partnerships for Environmental Protection'.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas penghormatan dan ingatan baik Pengerusi Majlis yang telah menjemput saya selaku tetamu kehormat pada hari ini. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah kepada Unit Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan dan Science, Technology and Environment Partnership Centre atau STEP, Kementerian Pendidikan dan Syarikat Q Carrier atas kerjasama mereka menghasilkan penerbitan 'The Young's Aspiration For A Green World' dan penandatanganan Memorandum Persefahaman Bagi Kerjasama Alam Sekitar bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia tahun 2001.

Kita sudah maklum dan sering mendengar betapa semua tindakan seharian kita meninggalkan kesan terhadap alam sekitar. Walaupun kegiatan-kegiatan individu kita mempunyai kesan alam sekitar yang kecil, jika diteruskan tanpa had, kawalan atau pengurusan, kesan keseluruhannya atau secara 'collective', akan lebih banyak mendatangkan kemudaratan kepada alam sekitar dari kebaikan.

Pembaziran penggunaan sumber seperti bahan api, pembaziran penggunaan kertas di pejabat, pembuangan sampah dan sisa industri merata-rata bukan saja menghabiskan sumber baru bahkan dan pada masa yang sama menambah masalah pencemaran.

Dari itu, kita semua perlu mengambil tindakan untuk sama-sama memastikan kegiatan dan perbuatan kita tidak akan menudatkan mutu alam sekitar. Jika alam sekitar itu terancam, kewujudan kita sendiri, dan generasi-generasi akan datang juga turut terancam.

Alhamdulillah sungguhpun negara kita tidak menghadapi masalah pencemaran yang buruk berbanding dengan berita yang sering kita dengar terjadi di negara lain, kita sendiri juga pernah dan tidak terkecuali merasakan masalah dan pencemaran alam sekitar akibat dari kegiatan-kegiatan yang perlaksanaannya tidak mengambil kira kepentingan dan nilai alam sekitar.

Saya percaya banyak antara kita yang masih ingat fenomena jerebu yang melanda rantau ini di tahun 1997 dan 1998 yang disebabkan kebakaran hutan yang tidak terbanding dan ditambah lagi dengan keadaan kemarau yang berpanjangan. Malangnya, ada juga antara kita yang telah lupa dan sudah mula memabur secara terbuka dan tanpa kawalan di sana sini. Perbuatan yang tidak bertanggungjawab seperti ini menunjukkan ada antara kita yang masih tidak mengambil iktibar dari pengalaman yang lalu, walau bagaimana pahit sekalipun pengalaman itu.

Begitu juga kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan rendah pada awal tahun ini. Sungguhpun hujan pada masa itu merupakan hujan yang kedua paling hebat dalam

tempoh 36 tahun, kegiatan-kegiatan kerja-kerja memotong dan menimbuk tanah yang menyebabkan longkang-longkang dan parit-parit awam tersumbat telah menyulit dan memburukkan lagi keadaan banjir. Kegiatan-kegiatan yang tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri sendiri itu akhirnya jelas menjejaskan diri sendiri juga.

Timbul dari kesedaran bahawa kita semua mempunyai peranan dalam pengawalan mutu alam sekitar, itulah maknanya Kementerian Pembangunan memilih tema Sambutan Tahun Alam Sekitar ini yang berbunyi 'Memupuk Pakatan Bagi Mengawal Alam Sekitar'.

Pakatan bermakna kita semua sama ada secara individu atau perseorangan mahupun secara 'collective' mempunyai peranan dan tanggungjawab bagi mengawal mutu alam sekitar dari ancaman pencemaran.

Memupuk itu pula mengingatkan kita bahawa generasi akan datang iaitu warga muda dan remaja perlu diperingatkan akan kepentingan dan peranan mereka untuk memastikan mutu alam sekitar yang baik itu dipertahankan.

Alhamdulillah, saya telah difahamkan bahawa mutu esai dan lukisan yang terkandung dalam buku 'The Young's Aspiration For A Green World' menunjukkan bahawa anak-anak kita di negara ini sememangnya menyedari akan isu-isu alam sekitar yang dihadapi pada masa ini. Aspirasi dan mesej yang disampaikan dalam buku tersebut juga merupakan satu sukat-sukat yang penting dalam menilai pandangan dan 'perception' anak-anak kita mengenai isu alam sekitar yang mereka hadapi. Oleh kerana isu alam sekitar turut berubah dengan masa dan zaman, adalah penting bagi kita untuk menilai



UCAPAN Pemangku Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat sempena Hari Alam Sekitar Sedunia - 'Memupuk Pakatan Bagi Mengawal Alam Sekitar' pada hari Selasa, 12 Jun, 2001.

sama ada pandangan kanak-kanak itu juga berubah mengikut isu-isu semasa.

Satu perkara yang menarik dari penyertaan-penyertaan yang diterima, terutamanya dalam penyertaan penulisan esei, ialah menunjukkan hasil usaha penyelidikan penuntut melalui internet bagi menda-patkan bahan-bahan untuk di-tulis. Ini adalah satu perkembangan yang penting, kerana ianya membantu memastikan pandangan dan 'perception' kanak-kanak itu sentiasa semasa atau 'current'.

Saya berpendapat bahawa sebagai satu buku yang mengandungi mesej yang penting dan bermakna dalam kehidupan kita, buku tersebut tidak semestinya diikhaskan sebagai bahan bacaan anak-anak sekolah sahaja. Saya juga ingin mengesyorkan supaya kita semua akan berkesempatan dan meluangkan masa untuk mendekati mesej dan aspirasi anak-anak kita mengenai alam sekitar dan menjadikannya sebagai satu sumber pendorong bagi kita dalam menyumbang ke arah mengawal dan memelihara mutu alam sekitar.

Apa yang mungkin dapat dipertimbangkan untuk dibuat pada masa yang akan datang ialah menyerapkan pertimbangan dan isu alam sekitar ke dalam kurikulum pendidikan rendah, tidak semestinya sebagai satu mata pelajaran khusus, tetapi sebagai satu isu yang di serapkan secara tidak langsung dan 'cross-cutting' dalam semua mata pelajaran.

Dengan cara demikian bukan sahaja langkah ini dapat mengukuhkan konsep alam sekitar sebagai isu yang menyeluruh, malah anak-anak kita juga akan dipupuk secara tidak langsung untuk menghormati dan menjaga mutu alam sekitar sekeliling mereka. Bila ini ter-

capai, insya-Allah mutu alam sekitar negara kita akan terjamin.

Peranan dan tanggungjawab untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kepekaan para warga muda dan remaja kita mengenai kepentingan dan nilai alam sekitar tidak semestinya tertumpu kepada pihak kerajaan sahaja. Masyarakat awam termasuklah warga korporat juga perlu bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memupuk warga muda dan remaja yang mementingkan pengawalan dan pemeliharaan mutu alam sekitar. Dalam hubungan ini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan dan Syarikat Q Carrier di atas inisiatif mereka untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang alam sekitar melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman Bagi Kerjasama Dalam Bidang Alam Sekitar di antara kedua-dua pihak pada pagi ini. Saya penuh berharap supaya badan-badan korporat dan syarikat-syarikat tempatan yang lain akan juga mengambil kesempatan untuk sama-sama memainkan peranan dalam merealisasikan hasrat dan program yang berhubung kait dengan pengawalan dan pemeliharaan alam sekitar.

Sebagai penutup, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Unit Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan, Science, Technology and Environment Partnership Centre, Kementerian Pendidikan dan Syarikat Q Carrier di atas usaha kerjasama mereka dalam mengendalikan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Oleh Bolhassan HAB

Tampil ke hadapan lapor kepada pihak berwajib

JALAN TUNGKU, 26 Jun. - Masyarakat penyayang yang dinakudkan dalam konteks menentang penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram bukanlah memberikan perlindungan dan menyembunyikan kegiatan anak-anak yang diketahui terlibat dengan gejala dadah, tetapi berani tampil ke hadapan untuk melaporkan dan menyerahkan anak-anak mereka itu kepada pihak yang berwajib demi kebaikan masa depan mereka.

Perkara itu ditegaskan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair di Majlis Pemusnahan Dadah Yang Dirampas sempena Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram di Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik di sini.

Dato Paduka berkata, untuk membendung dan menentang penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram di negara ini bukan

lah merupakan usaha yang mudah. Justeru itu, usaha-usaha yang berterusan dan penglibatan oleh semua pihak dan anggota masyarakat baik secara langsung ataupun tidak langsung adalah sangat diperlukan. Dalam waktu yang sama kita perlu sentiasa memberikan kesedaran mengenai kesan negatif gejala dadah kepada golongan remaja di negara ini.

Oleh yang demikian, jelas Dato Paduka, institusi keluarga, institusi pendidikan dan sekolah-sekolah, institusi penghulu, ketua kampung dan akar umbi serta badan-badan bukan kerajaan perlu memainkan peranan dan mengemblem tenaga untuk mewujudkan kehidupan masyarakat yang sihat, harmoni, penyayang dan pemerdulian.

Terdahulu sebelum itu dalam ucapannya, Dato Paduka menekankan bahawa masyarakat di segenap peringkat di negara ini perlu bertekad dan mempunyai kesedaran yang jitu untuk bersatu tenaga bagi menentang kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram dengan apa juga cara sekali pun.

"Kita di Negara Brunei Darussalam ingin melihat belia dan generasi muda kita bebas dari gejala dadah, kita ingin melihat jalan-jalan dan lorong-lorong di negara ini bersih daripada kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram dan kita ingin melihat belia dan generasi muda kita akan sentiasa pandai mempercayakan 'Tidak dan Terima Kasih Kami Tidak Memerlukan Dadah'," ujar Dato Paduka.

Dato Paduka menambah, dalam keadaan negara yang aman dan tenteram dan kita di negara ini menikmati pelbagai kemajuan dan pembangunan, penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram adalah merupakan 'Musuh Awam Yang Utama' yang menyerang secara senyap.

Sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram tahun ini yang bertemakan Masyarakat Bergerak Bersama Menentang Dadah, Biro Kawalan Narkotik telah memusnahkan lima jenis dadah rampasan yang dikumpulkan sejak tahun 1997 hingga tahun 2000 termasuk heroin, ubat batuk (kodein), pil dan ganja.

Sementara itu, Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Momin bin Haji Sawal dalam ucapan alu-aluannya berkata, usaha membasmi gejala negatif itu akan sentiasa diteruskan demi mengelakkan anak-anak muda negara ini menjadi mangsa penyalahgunaan dadah.

Menurutnya, walaupun dadah yang diedar di negara ini kebanyakan diseludup dari negara jiran, namun belum ada sebarang kes membabitkan pengeluaran dadah dikesan berlaku di negara ini.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair memusnahkan dadah yang dirampas oleh Biro Kawalan Narkotik sempena Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram. Majlis berlangsung di Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik, Jalan Tungku. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHOA.

Tingkatkan kemahiran berpidato

RIMBA, 25 Jun. - Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan menyeru para pelajar di negara ini supaya mengambil apa juga peluang yang boleh meningkatkan kemahiran berpidato di khalayak ramai jika mahu mengetahui potensi masing-masing dalam kerjaya yang akan diceburi.

Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam percaya, para ibu bapa juga boleh memainkan peranan yang aktif dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi di kalangan anak-anak dengan menggalakkan mereka

Oleh Siti Muslihat HS

bercakap mengenai aktiviti-aktiviti di sekolah dan memberikan pendapat dalam perbincangan bersama keluarga.

"Dengan cara ini, selain mengukuhkan hubungan rapat keluarga, interaksi seperti itu juga membantu untuk meningkatkan keyakinan kanak-kanak dalam meluahkan pemikiran mereka," jelasnya di Majlis Pertandingan Berpidato Antara Sekolah-sekolah Menengah di Dewan Ser-

baguna Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) di sini.

Terdahulu dari itu, beliau menekankan bahawa untuk menghasilkan syarahan atau ucapan yang baik memerlukan pemikiran yang penuh berdisiplin dan persiapan yang teliti.

Pertandingan tersebut disertai oleh 10 peserta dari tingkatan enam yang mewakili lima buah sekolah menengah.

Johan disandang oleh Danyang Kathrina binti Haji Mohd. Daud dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan yang memenangi hadiah berupa bawcer bernilai \$50.00, diikuti oleh Awang Ashfaq bin Hussain di tempat kedua dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali, sementara Awang Lim Kheng Soon juga dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan terpilih untuk menduduki tempat ketiga.

Pemenang kedua dan ketiga masing-masing menerima bawcer bernilai \$40.00 dan \$30.00. Setiap pemenang juga menerima sijil dan sebatang pen.

Pertandingan seumpamanya mula diasaskan oleh MSPSBS pada bulan Jun tahun 1997 di kalangan penuntut maktab berkenaan dan mula dibukakan bagi penyertaan sekolah-sekolah menengah di seluruh negara tahun ini.

Tahun depan ianya akan dikendalikan oleh Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.



PENGARAH Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar yang memenangi Pertandingan Berpidato Antara Sekolah-sekolah Menengah. Majlis berlangsung di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS). - Gambar oleh Harun HR.



PENGARAH Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin menandatangani perjanjian mengenai pembayaran bagi perkhidmatan perubatan dan rawatan dengan menggunakan kad visa bersama wakil dari Baiduri Bank Berhad, Timbalan Ketua Pengurus bank itu, Ti Eng Hul. - Gambar oleh Masri Osman.

Pembayaran perubatan boleh dijelaskan dengan kad kredit

BERAKAS, 27 Jun. - Pembayaran bagi perkhidmatan perubatan dan rawatan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha kini boleh dijelaskan menggunakan kad kredit.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian Mengenai Kad Visa telah dilaksanakan di antara Kementerian Kesihatan dengan Bank Baiduri Berhad di Kementerian Kesihatan di sini.

Mewakili Kementerian Kesihatan ialah Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin dan Bank Baiduri Berhad diwakili oleh Timbalan Ketua Pengurus Bank Baiduri Berhad, Ti Eng Hul.

Oleh Haji Ahmad HS

Menyaksikan penandatanganan bagi pihak Kementerian Kesihatan ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan dan Pengurus Pusat Kad Baiduri Bank Berhad, Lec Ai Cheng.

Melalui perjanjian itu, para pesakit boleh menjelaskan pembayaran perubatan dengan menggunakan kad kredit di mana-mana kaunter pembayaran. Perkhidmatan tersebut akan memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat pembayaran.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad menerima sumbangan alat rawatan suntikan 'Greasby Syringe Drivers' dari Pengarah Norvativ (M) Sendirian Berhad, Awang Erik Jansen. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Syarikat Norvativix dermakan alat penyuntik

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Jun. - Sebanyak 40 alat rawatan suntikan 'Greasby Syringe Drivers' bagi kegunaan beberapa penyakit yang berharga lebih kurang \$80,000.00 telah didermakan oleh sebuah syarikat swasta dalam usaha sama-sama meningkatkan tahap kesihatan di negara ini.

Alat penyuntik tersebut antara lain akan digunakan bagi pesakit yang menghidap penyakit Thalassemia dan kanser telah disampai-kan oleh Pengarah Norvativix (M) Sendirian Berhad selaku mewakili syarikat berkenaan, Awang Erik Jansen kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad. Yang berlangsung di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Majlis tersebut dihadiri oleh beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan dan Syarikat Norvativix (M) Sendirian Berhad.

BERAKAS, 27 Jun. - Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin berkata, bidang kerja bukan sahaja memerlukan tenaga, pengorbanan dan keringat tetapi ianya juga memerlukan aspek kerohanian yang mantap dan strategik bagi membantu setiap pegawai dan kakitangan memiliki semangat yang tinggi dalam menjalankan tugas seharian.

Dalam ucapannya di Majlis Ceramah Motivasi Kerja bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, beliau menambah setiap pekerja yang bersemangat tinggi dan gigih dalam menghadapi cabaran akan menjadi aset penting kepada kejayaan individu dan kumpulan.

Menyentuh mengenai Ceramah Motivasi yang dianjurkan, beliau menyifatkannya sebagai wadah kepada para pegawai dan kakitangan yang ada dalam memantapkan disiplin diri dan disiplin kerja bagi meningkatkan tahap pencapaian dan produktiviti semua.

"Dengan disiplin dan semangat kerja yang tinggi setiap orang akan dapat menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan jabatan di semua peringkat," jelasnya dengan penuh harapan.

Di waktu yang sama beberapa perkara seperti kualiti dan kecemerlangan, katanya, juga perlu diberikan perhatian oleh setiap pegawai dan kakitangan daripada semua peringkat di

MEREALISASIKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG

Oleh Siti Muslihat HS

samping merealisasikan budaya kerja cemerlang khususnya di Jabatan Penerangan.

"Budaya kerja cemerlang ini harus ada kepada semua yang bekerja di sini sama ada di peringkat Pengarah, Timbalan Pengarah, Pegawai Pentadbir dan keseluruhan kakitangan.

Apa juga yang dibuat, ianya hendaklah dengan budaya kerja yang cemerlang, budaya kerja yang mengejar kualiti sepanjang masa. Tidak ada perbezaan antara pembersih dengan pentadbir jabatan dari segi kecekmerlangan yang diamalkan dan dimatlamatkan," tegasnya lagi.

Di majlis tersebut para pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan mendengar Ceramah Motivasi daripada Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Ee Ah Ming.

Ceramah Motivasi itu juga disempenakan dengan Mesyuarat Agung Ke-7 Badan Kebajikan dan Sukan (BAPENA) Jabatan Penerangan.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin (duduk di hadapan) bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan yang lain ketika mendengarkan Ceramah Motivasi daripada Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Ee Ah Ming. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Keyakinan diri penting dalam mencapai matlamat

BERAKAS, 27 Jun. - Kegembiraan bekerja merupakan kunci kepada kecemerlangan, peningkatan yang berterusan, kerja yang berkualiti dan produktiviti yang meningkat.

Demikian pendapat yang dilahirkan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Ee Ah Ming dalam Ceramah Motivasi kepada lebih seratus orang pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan di sini.

Kecemerlangan, tambahnya adalah apa yang sering dilakukan yang boleh ditakrifkan sebagai tabiat dan bukannya lakonan. Seorang pekerja menurutnya, perlu mengamalkan sikap positif terhadap tugas dan kerja masing-masing.

Dalam hubungan ini, setiap orang perlu menetapkan matla-

mat atau sasaran masing-masing dalam masa panjang dan pendek, di samping mempunyai kepercayaan keyakinan diri yang positif dalam mencapai sesuatu, katanya.

Dengan kepercayaan dan keyakinan diri tersebut tegasnya, seseorang itu akan berjaya mencapai matlamat yang dituju.

Antara panduan yang boleh diamalkan ke arah meningkatkan mutu kerja, jelasnya, ialah dengan menyukai kerja yang dibuat, merasa bangga terhadap kerja, mengetahui tugas masing-masing secara mendalam, tentukan matlamat, buat keputusan dengan bijaksana, mementingkan tugas, mengakui dan belajar daripada kesilapan.

Sementara pekerja yang baik menurutnya, mengamalkan beberapa ciri penting seperti bersih, jujur dan amanah, cekap, cepat dan tepat, berilmu, ino-

Oleh
Siti Muslihat HS

vatif dan kreatif, menghargai masa, beriltizam, sabar dan bersopan santun, berdaya saing, menjadi contoh teladan, setia kawan dan bersikap pemedulian.

Menyentuh mengenai usaha-usaha berkaitan motivasi kerja ini, beliau berpendapat ianya perlu diadakan dari masa ke semasa.

Sebelum mengakhiri ceramah mengenai 'Meningkatkan Produktiviti Melalui Motivasi Kerja' beliau menekankan bahawa setiap pekerja boleh melakukan lebih daripada apa yang dijangkakan jika ia bersungguh-sungguh dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi.



PARA pegawai dan kakitangan wanita Jabatan Penerangan ketika sama-sama hadir mendengarkan Ceramah Motivasi daripada Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, mengenai Meningkatkan Kualiti dan Produktiviti Kecemerlangan Kerja. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Puan Yang Terutama Datuk Dr. Ng Yen Yen mengadakan kunjungan muhibah kepada Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. Gambar atas kelihatan Puan Yang Terutama diperkenalkan kepada Setiausaha Tetap KPSSU oleh Pengarah Promosi dan Kemajuan Pelancongan KPSSU, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammad. - Gambar oleh Halim HS.

Brunei - Malaysia rancang tarik pelancong China

BERAKAS, 26 Jun. - Negara Brunei Darussalam menyambut baik cadangan Malaysia bagi mengadakan pakej bersama yang bertujuan untuk menarik pelancong-pelancong Republik Rakyat China melawat kedua-dua negara yang dijangka dimulakan September ini.

Ini memandangkan tahun lalu lebih tiga juta rakyat Republik Rakyat China melancong ke luar negara, kebanyakan ke negara-negara ASEAN, Australia dan Eropah.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Puan Yang Terutama Datuk Dr. Ng Yen Yen menjelaskan perkara itu kepada wartawan semasa ditemubual sebelum mengadakan kunjungan muhibah kepada Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Sesi Taklimat Pelancongan Brunei oleh Pengarah Promosi dan Kemajuan Pelancongan KPSSU, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammad.

Menurut Datuk Dr. Ng, rakyat Republik Rakyat China yang kira-kira 1.4 bilion gemar melancong ke luar negara di mana tahun lalu lebih 430 ribu rakyatnya telah melawat Malaysia, dan mereka juga sekarang memusatkan perhatian untuk melawat Negara Brunei Darussalam kerana peluang-peluang pelancongan negara ini sudah mula diminati.

Jelasnya, perbincangan dengan KPSSU telah menumpukan kepada pakej 'double gold' yang dicadangkannya di mana jika pelancong Republik Rakyat China melawat ke Malaysia (Sarawak dan Sabah) mereka juga harus meneruskan lawatan ke Negara Brunei Darussalam dan begitu juga sebaliknya.

Katanya lagi, perbincangan juga akan memikirkan bagaimana Penerbangan Diraja Brunei (RBA),

Oleh Abdullah Asgar

Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Asia untuk bekerjasama dalam membawa pelancong Republik Rakyat China ataupun mengadakan penerbangan catat khas bagi mengangkut para pelancong itu nanti.

Menurutnya, sebelum pakej itu diperkenalkan, usaha membuat promosi ke Republik Rakyat China oleh kedua-dua buah negara perlu dibincangkan bersama, ini kerana Republik Rakyat China mempunyai banyak bandar yang mempunyai ramai penduduk.

Promosi yang teratur dan tersusun haruslah dijalankan dengan sebaiknya agar jika pakej itu mula diperkenalkan nanti, lebih ramai rakyat Republik Rakyat China akan melancong ke Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Jelasnya, kunjungan kali ini juga akan membincangkan kerjasama dari syarikat-syarikat pelancongan Malaysia - Brunei mengenai bagaimana pendekatan yang terbaik untuk menarik minat pelancong China untuk melancong ke kedua-dua buah negara.

Katanya, Malaysia telah memulakan promosi pelancongan sejak beberapa tahun lalu, di mana jika dianggarkan Malaysia tahun lalu telah menerima kunjungan lebih 800 ribu pelancong dari Hong Kong, Taiwan dan Republik Rakyat China.

Ujarnya, jika semuanya berjalan, beliau akan membawa syarikat-syarikat pelancongan dan pengembaraan untuk membuat promosi di Republik Rakyat China menjelang September ini hinggalah ke penghujung tahun 2001.



KIRA-KIRA 50 orang penuntut dan guru Sekolah Menengah Jamalul Alam (SMJA) mengadakan kerja goyong-royong menanam anak pohon kelapa di kawasan Lebuhraya Hassanah Bolkiah dan di kawasan pinggir Sungai Kedayan. Projek itu juga adalah atas usaha sama Unit Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

PENDAHULUAN DAN LATAR BELAKANG

SECARA ringkas, Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) adalah satu janji, komitmen dan jaminan perkhidmatan yang dibuat secara bertulis oleh sesebuah kementerian/jabatan mengenai ketetapan piawai (standard) perkhidmatan yang akan diberikan kepada orang ramai selaku pengguna dan penerima perkhidmatan. Ketetapan piawai perkhidmatan tersebut adalah dibuat berasaskan kepada kehendak pengguna dan disesuaikan dengan keupayaan sesebuah kementerian/jabatan untuk melaksanakannya secara efektif dan efisien.

TPOR telah mula diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam pada tahun 1995. Beberapa taklimat kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan telah juga diadakan. Sebuah Buku Panduan TPOR telah pun disediakan dan diedarkan kepada semua kementerian/jabatan melalui surat keliling Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 6 Mac, 1996.

Sehubungan dengan itu pada tahun 1997, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan supaya semua kementerian/jabatan menyediakan TPOR masing-masing dan laporan mengenai telah diadapakan di Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet.

Manakala pada bulan Julai 1998, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) telah dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan TPOR di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dan dijadikan sebagai 'focal point' bagi orang ramai untuk menghadap aduan-aduan mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.


RASIONALNYA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering bertitah menekankan aspek-aspek pemedulian kepada orang ramai. Maka jelas di sini perlunya menyediakan dan mengamalkan TPOR di setiap kementerian dan jabatan kerajaan. Selain dari itu, ianya juga untuk memajukan dan meningkatkan lagi kecukupan ketelusan, keberkesanan, produktiviti, kualiti dan prestasi perkhidmatan dan pengurusan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam juga selaras dengan salah satu strategi di bawah Rancangan Penelitian Semula Ke Atas Perkhidmatan Awam (CSR) yang diperkenalkan di seluruh kementerian dan jabatan dalam perkhidmatan awam pada tahun 1990.

PERLAKSANAANNYA

Hingga ke hari ini, hampir semua kementerian/jabatan telah menyediakan TPOR. Manakala kementerian/jabatan yang belum menyediakan kebanyakannya akan didapati masih keliru akan konsep TPOR seperti mereka yang berpendapat TPOR hanya bagi kementerian/jabatan yang berurusan dengan orang ramai/awam sahaja, padahal jika diamati-amati dan difahami konsepnya 'orang ramai' itu adalah setiap pengguna perkhidmatan yang disediakan oleh sesebuah kementerian/jabatan, maka ini termasuklah orang ramai/awam, rakan sejawat, kementerian/jabatan yang lain, pihak swasta seperti konsultan, pemborong dan sebagainya.

Dalam menyediakan dan melaksanakan TPOR, beberapa proses perlu dilalui. Pusingan Aktiviti Pelaksanaan TPOR adalah seperti berikut :



Bagi kementerian/jabatan yang telah menyediakan TPOR adalah diharapkan agar melaksanakannya dengan lebih komited atau bersungguh-sungguh di semua peringkat iaitu dari peringkat ketua jabatan hingga ke bawah dan bukannya hanya sekadar 'melepaskan batuk di tangga'. Menepati TPOR bukan sahaja akan dapat meningkatkan imej sesebuah kementerian/jabatan sebagai organisasi yang cekap dan prihatin malah akan berjaya meningkatkan kualiti dan produktiviti sesebuah kementerian/jabatan tersebut di alaf baru ini. Komitmen dan kerjasama semua pihak adalah perlu bagi menjayakan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Manakala kepada kementerian/jabatan yang masih belum menyediakannya adalah diharapkan agar akan dapat mengusahakannya bagi mendukung titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menjadikan Perkhidmatan Awam di negara ini sebagai sebuah institusi yang berkualiti, cekap, responsif, inovatif, berwibawa dan bertanggungjawab.



MENTERI Kebudayaan, Bella dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar terbaik tahun 2000, sejouras merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei Kali Ke-51 sesi 2000-2001. - Gambar oleh Halim HS.



SEORANG lagi pelajar terbaik tahun 2000 menerima hadiah dan sijil dari Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan dalam majlis yang berlangsung di sebuah hotel di Gadong. - Gambar oleh Halim HS.

Tarian asli warisan bangsa yang patut dikekalkan

SUNGAI AKAR, 23 Jun. - Isteri Pemangku Menteri Pembangunan merangkap Timbalan Menteri Pendidikan, Datin Hajah Masna berkata, tarian asli Brunei merupakan warisan bangsa orang-orang Melayu yang patut didedahkan kepada golongan muda terutama kepada murid-murid di peringkat sekolah rendah.

Tambahnya, tarian asli Brunei mempunyai nilai kehidupan masyarakat orang-orang Brunei yang terkenal dengan budaya bersopan santun,

Oleh Abu Bakar HAR

berbudi bahasa, hormat-menghormati dan bertatasusila.

Beliau membuat peringatan tersebut sewaktu merasmikan Majlis Pertandingan Tarian Asli Brunei Bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Kali Ke-25 yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Bella dan Sukan di sini.

Tegasnya, tarian asli yang

ditarikan mempamerkan budaya bangsa Brunei yang bertanggungjawab, taat dan setia kepada raja dan tidak camah mata dan suka tolong-menolong di dalam hidup bermasyarakat.

Oleh itu, beliau menyeru agar budaya seperti ini dipupuk melalui generasi muda agar ia tertanam dan diamalkan dalam kehidupan kita yang beragama, bermasyarakat dan bernegara.

Terdahulu dari itu Datin Hajah Masna menjelaskan dengan adanya kegiatan tambahan

PGGMB rancang pelbagai projek

Oleh Siti Muslihat HS

PGGMB dan arkitek yang telah dilantik sedang dalam proses akhir untuk menyiapkan pelan-pelan dan dokumen bagi projek pembinaan Sekolah Menengah PGGMB di Kampong Madang iaitu bersebelahan dengan Sekolah Tunas Jaya PGGMB, Madang," tambahnya ketika menjelaskan antara projek masa depan yang sedang dijalankan.

Selain itu, PGGMB juga katanya, akan menubuhkan cawangan Sekolah PGGMB di Taman Puri PGGMB yang mana semua pelan dan dokumen berkaitan telah dihidangkan ke Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan berkenaan untuk mendapat kelulusan.

"Matlamat penubuhan cawangan Sekolah PGGMB di kawasan Bunut ialah bagi memberi kemudahan kepada ibu bapa yang tinggal di Mukim Gadong dan Sengkuring dan kawasan persekitarannya untuk menghantar anak-anak mereka ke Taman Puri, Jalan Tutong.

Di samping itu, PGGMB melalui Jawatankuasa Daerah Temburong telah mengenal pasti sebuah bangunan yang akan diubah suai untuk dijadikan sebagai bangunan sekolah. Sekolah ini dijangka akan beroperasi pada tahun 2002, insya-Allah," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai Projek Mega Bangunan PGGMB yang sedang dalam pembinaan di ibu negara, beliau menjelaskan ianya dijangka siap pada bulan September depan.

Sementara itu pada tahun ini, PGGMB juga katanya, akan mengendalikan dua pertandingan serantau iaitu Persidangan Majlis Guru-guru ASEAN Ke-20 dan Pertemuan Guru-guru Melayu Nusantara Ke-9.

Majlis juga diselenggarakan dengan Penyampaian Hadiah Pelajar-pelajar Terbaik dalam peperiksaan awam iaitu Sijil Rendah Pelajaran (PCE); Peperiksaan Menengah Bawah (PMB) dan Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa dan Lanjutan bagi tahun 2000.

Bagi Peperiksaan PCE, Mohammad Adiazizi bin Haji Md. Mahadi terpilih menerima hadiah terbaik bagi kategori anak dan bukan anak ahli yang juga dikenali sebagai anak rakyat. Beliau menerima hadiah wang tunai \$150.00.

Pelajar terbaik dalam PMB bagi kategori anak ahli ialah Muhammad Wafi bin Haji Abdul Wahab, sementara Nuruljannah binti Awang Jumat dipilih dalam kategori anak rakyat. Mereka masing-masing menerima wang tunai \$200.00.

Nurul Huda binti Haji Awang Jeludin dan Dk. Hajah Noor Affizan binti Pengiran Haji Abdul Rahman masing-masing dalam kategori anak ahli dan anak rakyat pula terpilih menerima hadiah pelajar terbaik dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa. Mereka menerima cek bernilai \$300.00.

Manakala pelajar terbaik dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan ialah Ernie Zahidna binti Haji Md. Seruddin iaitu kategori anak rakyat. Beliau menerima cek bernilai \$400.00.



TARIAN Asli Brunei perlu terus dipupuk di kalangan generasi muda khususnya kepada para pelajar agar ianya sentiasa diingat dan tidak hilang ditelan zaman. Gambar atas dan bawah antara Tarian Asli Brunei yang dipertandingkan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



ISTERI Pemangku Menteri Pembangunan, merangkap Timbalan Menteri Pendidikan, Datin Hajah Masna binti Haji Tuah (tiga dari kanan) ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pertandingan Tarian Asli Brunei Bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Kali Ke-25. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

SUMBANGAN BAGI LANJUTKAN PELAJARAN KE MALAYSIA

Oleh Samie HJ

BERAKAS, 23 Jun. - Seorang penuntut kurang penglihatan, Dayang Jarinah binti Rungging menerima sumbangan pembiayaan bagi membolehkannya melanjutkan pelajaran di bidang komputer di Pertubuhan Orang-Orang Buta Malaysia di Kuala Lumpur.

Sumbangan berupa tiket penerbangan dan elaun bulanan sepanjang mengikuti kursus 10 bulan itu adalah sumbangan dari Kumpulan Hongkong dan Shanghai Bank Corporation (HSBC).

Sebelum itu, Dayang Jarinah, 23 tahun yang menerima dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menamatkan pengajian di peringkat lanjutan di Sekolah Menengah St. John, Cheras, Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Tuan Warner Manning telah menyampaikan sumbangan berkenaan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain yang juga selaku Pengerusi Persatuan Tabung Orang-Orang Cacat.

Tuan Warner Manning berkata, HSBC telah mengenal pasti keperluan bagi menyumbangkan kepada masyarakat, di mana sumbangan itu merupakan sebahagian tanggungjawab untuk diungkapkan dengan kerajaan dan pertubuhan dalam sama-sama membantu meningkatkan bidang pendidikan, kebudayaan, ekonomi dan sosial kepada masyarakat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menyampaikan sumbangan daripada Kumpulan Hongkong dan Shanghai Bank Corporation (HSBC), kepada Dayang Jarinah binti Rungging bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang komputer di Malaysia. Juga kelihatan ialah Ketua Eksekutif HSBC, Tuan Warner Manning. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

LIMA ANAK TEMPATAN IKUTI KURSUS PEMBUATAN DAN PEMROSESAN KRISTAL

Oleh
Abd. Karim HAB

BERAKAS, 19 Jun. - Lima orang anak tempatan telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Mahkota Crystal Sendirian Berhad bagi membolehkan mereka mengikuti Kursus Pembuatan dan Pemprosesan Kristal selama lapan bulan di Langkawi Institute of Glass Research & Development, Kampong Kristal, Pulau Rebak, Langkawi.

Para perantis berkenaan terdiri daripada Awang Mohammad Zaim bin Haji Abdul Malik, Awang Razali bin Emran, Awang Yusriman bin Haji Abdul Tahir, Dayang Masuraini binti Md. Taib dan Dayang Norrosnani binti Haji Mat Zin.

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin bin Pengiran Haji Hashim yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Mahkota Crystal Sendirian Berhad dan ketua-ketua jabatan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga hadir di majlis itu yang berlangsung di Bilik Wawasan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Pengambilan pertama juga seramai lima orang telah menamatkan kursus mereka dengan cemerlang.

Majlis itu diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada

da pemenang Peraduan Mencipta Logo Syarikat Mahkota Crystal Sendirian Berhad, Awang Abdullah Rahman bin Ahmad, seorang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ciptaan beliau yang dijadikan logo dan tanda perdagangan (trademark) syarikat berkenaan berjaya menerapkan identiti kebruneian dan cita rasa antarabangsa.

Menurut siaran akhbar Syarikat Mahkota Crystal Sendirian Berhad, seramai lima orang perantis pengambilan pertama yang telah menamatkan kursus, mampu memperlihatkan kreativiti dan kemahiran yang tinggi dalam menghasilkan pelbagai jenis barangan termasuk kristal berbentuk manggis yang menjadi cenderamata Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengendalikannya APEC 2000.

Dayang Hajah Ainaa Ayuni binti Haji Yunis, salah seorang perantis dalam pengambilan pertama, merupakan perantis wanita pertama dalam pembuatan kristal di rantau Asia Tenggara yang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin bin Pengiran Haji Hashim yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Mahkota Crystal Sendirian Berhad menyampaikan hadiah kepada Awang Abdullah Rahman bin Ahmad, pemenang Peraduan Mencipta Logo Syarikat Mahkota Crystal Sendirian Berhad. - Gambar oleh Amat HM.

ketika ini dimonopoli kaum lelaki.

Pemangku Pengarah Urusan Semaun Holdings Sendirian Berhad, Awang Haji Md. Zain bin Haji Abdul Gahafar selaku ahli Lembaga Pengarah Mahkota Crystal Sendirian Berhad dalam ucapan alu-aluan di majlis itu menjelaskan bahawa kursus yang merupakan usaha sama antara Semaun Holdings Sendirian Berhad dengan rakan kongsi dari Malaysia, Langkawi Crystal Sendirian Berhad adalah sejajar dengan tiga tujuan utama penubuhan Mahkota Crystal Sendirian Berhad :

* Menyahut seruan kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi di negara ini selaras dengan misi Semaun Holdings iaitu berperanan untuk menerajui perkembangan industri melalui industri pemakanan, pembuatan dan perkhidmatan secara komersil melalui pelaburan langsung dalam sektor industri yang utama bagi kepentingan Negara Brunei Darussalam;

* Membuka peluang pekerjaan, perniagaan dan perdagangan bagi anak tempatan sejajar dengan objektif Semaun Holdings Sendirian Berhad;

* Mempelbagaikan, memperkenalkan dan menonjolkan

produk tempatan di peringkat antarabangsa di samping menjadikan barangan kristal sebagai penyumbang utama dalam industri kraf tangan tempatan yang ketika ini hanya tertumpu kepada pertukangan perak, tembaga dan tenunan kain songket.

Sepanjang tempoh kursus, para perantis akan diberikan elaun sara hidup bulanan, elaun pakaian, tempat tinggal, peralatan dalam pengajian, buku teks dan elaun perubatan. Kandungan kursus meliputi tatarata pembuatan barangan kristal secara teori dan amali yang berasal dari Sweden, di samping diajar mengendalikan peralatan mesin yang canggih yang diimport dari Sweden dan Jerman.

Pihak pengurusan Mahkota Crystal Sendirian Berhad berharap, kejayaan para perantis berkenaan akan merealisasikan cita-cita dan rancangan masa depan syarikat berkenaan untuk menjadikan pusat pengeluaran yang terletak di Tapak Perindustrian Lambak Kanan sebagai salah satu pusat tarikan pelancong, selain menjadikan Mahkota Crystal Sendirian Berhad antara pengeluar produk kristal terbaik di peringkat antarabangsa yang ketika ini dimonopoli oleh negara-negara Eropah.

SURAT AKUAN BELAJAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JABATAN Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam sukacita memaklumkan bahawa permohonan untuk mendapatkan Surat Akuan Untuk Belajar di Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2002 adalah dibuka mulai 2 Julai, 2001 hingga 29 November, 2001.

Pemohonan-pemohonan yang lewat akan dikenakan bayaran tambahan perkhidmatan sebanyak B\$10.00 (sepuluh ringgit sahaja) bagi setiap permohonan. Bagi pemohon yang baru datang ke Negara Brunei Darussalam atau yang menduduki atau sedang menunggu keputusan peperiksaan-peperiksaan PCE, PMB, BGCE 'O', 'N' dan 'A' Level 2001 dikehendaki menghantar permohonan tidak lewat tiga bulan dari tarikh mereka sampai ke Negara Brunei Darussalam atau keputusan peperiksaan diumumkan.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi semasa waktu bekerja dari Bahagian Pengakuan Belajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam atau dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Pemohon atau penjamin adalah dikehendaki mengisi borang dan membawanya sendiri kepada Bahagian Pengakuan Belajar, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan berserta dengan semua salinan dokumen yang berkenaan seperti yang tersebut di dalam borang permohonan.



SEORANG daripada lima perantis yang mengikuti Kursus Pembuatan dan Pemprosesan Kristal menandatangani perjanjian dengan pihak Mahkota Crystal Sendirian Berhad. - Gambar oleh Amat HM.



DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

Meningkatkan Kemakmuran

"Mudah-mudahan berkat niat baik kita semua dalam menjalankan usaha-usaha dan rancangan-rancangan kerajaan, muka negara akan dapat menyaksikan hasilnya yang lumayan berupa: kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang berpanjangan."



Pelikan Urah, Kuching Duli Yang Maha Mulia Pahlawan Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Bin Al-Muhtam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'at Khalifah Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sempena Petyasan Hari Kemerdekaan Baginda Ke-54 tahun bertempat di Balai Senggahman Indira Basmah, Istana Nurul Iman pada hari Sabtu, 13 Rabiulakhir, 1423 bertepatan 17 Julai, 2003.

Memperingati Hari Puja Usia Yang Ke-55



DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

Kepimpinan

"Dalam usaha meningkatkan kesetabilan serantau, Negara Brunei Darussalam akan terus mengutamakan prinsip-prinsip kerjasama bersama dengan negara-negara sahabat."

Pelikan Urah, Kuching Duli Yang Maha Mulia Pahlawan Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Bin Al-Muhtam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'at Khalifah Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sempena Petyasan Hari Kemerdekaan Baginda Ke-54 tahun bertempat di Balai Senggahman Indira Basmah, Istana Nurul Iman pada hari Sabtu, 13 Rabiulakhir, 1423 bertepatan 17 Julai, 2003.

Memperingati Hari Puja Usia Yang Ke-55



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ


DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

Raja Penyayang

"Dalam keadaan dunia yang mengalami perubahan serta cabaran yang hebat di abad baru ini, alhamdulillah, kita di negara ini terus dapat menikmati keamanan, pembangunan dan kemajuan, hasil dari usaha dan kerjasama semua pihak, baik ia pihak kerajaan mahupun sektor swasta, serta rakyat dan penduduk di negara ini".

Petikan titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-54 tahun bertempat di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada hari Sabtu, 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 15 Julai, 2000.

*Memperingati
Hari Puja Usia
Yang Ke-55*



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

Memantapkan Akidah

"Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam menjadi cara hidup, maka kita akan terus bergerak menjalankan ajaran-ajaran yang indah itu dalam kehidupan kita."

Petikan titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-54 tahun bertempat di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada hari Sabtu, 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 15 Julai, 2000.

*Memperingati Hari Puja
Usia Yang Ke-55*





TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap menyampaikan piala kepada johan Pertandingan Akhir Dikir Syarifil Anam kepada Kumpulan Dikir Al-Muhazzibun Masjid Kampong Tamoi. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kumpulan Dikir Al-Muhazzibun muncul johan

SERUSOP, 24 Jun. - Kumpulan Dikir Al-Muhazzibun Masjid Kampong Tamoi muncul sebagai johan di Pertandingan Akhir Dikir Syarifil Anam bagi masjid, surau dan balai ibadat bagi peringkat Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Masjid Mohammed Bolikiah di sini.

Sementara tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Kumpulan Dikir Masjid Sultan Syarif Ali Kampong Sengkuring, dan Kumpulan Dikir Masjid Pehin Datu Imam Haji Mokti, Kampong Burong Pingai Ayer.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap yang juga menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Terdahulu dari itu, dalam ucapan alu-aluan Pengerusi majlis, Awang Haji Muslim menjelaskan bahawa kita patut berbangga kerana mempunyai warisan khazanah yang berharga yang diwariskan oleh orang-orang tua kita sejak dulu lagi.

Oleh Abu Bakar HAR

Ini tambahnya, dikir yang diturunkan oleh orang-orang tua kita itu adalah hasil penuntutan mereka melalui guru-guru dikir yang terkenal seperti Liau Badar, Che' Awang, Liau Jaafar sehinggalah ada lagu-lagu dikir tersebut dinamakan sempena nama guru-guru yang mengajar seperti Bisahri Udana Laila, Badat Sijafar, Tanakal Temenggong, di samping ada juga nama dikir tersebut diambil mengikut suasana zaman dahulu seperti dalam perjalanan berkayuh.

Antara matlamat pertandingan diadakan ialah untuk meningkatkan lagi mutu pembawaan dikir yang indah dan menarik serta untuk mengekalkan dan mengembangkan khazanah bagi bangsa Melayu Brunei dalam suasana budaya beragama.

Sebanyak 24 buah pasukan yang menyertai dari peringkat pemilihan itu hanya 10 buah pasukan yang layak ke peringkat akhir, yang mana hampir separuh pesertanya adalah terdiri daripada kalangan belia seperti mana yang dihasratkan agar mereka tetap mewarisi seni dikir tersebut.

Guru-guru diseru bersikap proaktif

JALAN TUTONG, 25 Jun. - Guru-guru di negara ini diseru agar sentiasa bersikap proaktif bagi mempertingkatkan kemahiran dan mendalami ilmu pengetahuan masing-masing kerana apa jua ilmu yang diperoleh boleh ditambah jika mereka mahu.

Apatah lagi pada masa ini sumber untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan idea-idea begitu mudah dan luas seperti melayari internet atau buku-buku, di samping guru-guru berkenaan berinisiatif untuk menghadiri ceramah, bengkel atau seminar.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Dayang Hajah Norsiah di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Lukisan dan Kerjatangan Bagi Guru-guru Sekolah Rendah dan Menengah Seluruh Negara 2001 di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolikiah di sini.

Tambahnya, ke arah membantu pelajar-pelajar menghasilkan kerja-kerja yang berkualiti adalah perlu bagi menyuburkan minat serta kecenderungan mereka dengan mewujudkan persekitaran yang kondusif

Oleh Abu Bakar HAR

di samping menunjukkan sikap positif kepada mereka.

Beliau percaya dengan adanya kepimpinan yang dinamik daripada semua pihak dan guru-guru, sesungguhnya kemajuan yang dihasratkan itu akan terlaksana dan bukan hanya menjadi impian.

Menyentuh mengenai mata pelajaran lukisan dan kerja tangan itu, beliau menjelaskan, jumlah pelajar-pelajar sekolah menengah terutama di peringkat lanjutan yang mengambil mata pelajaran berkenaan telah berkurangan yang berkemungkinan disebabkan oleh persepsi bahawa kedua-dua mata pelajaran tersebut tidak begitu menarik, dan penting berbanding dengan mata pelajaran yang lain.

Walaupun bagaimanapun dalam kurikulum sekolah rendah, kedua-dua mata pelajaran tersebut, jelas Datin Paduka merupakan mata pelajaran wajib, manakala peringkat sekolah menengah dan prauniversiti ia merupakan sebagai mata pelajaran pilihan namun mereka

yang memilih mata pelajaran ini tidak menghadapi masalah.

Sementara dalam ucapan Pengarah Perkembangan Kurikulum, Sheikh Haji Adnan menjelaskan jabatannya kini meneliti semula dan memperkemas kurikulum lukisan dan kerja tangan supaya lebih mantap dan bermakna serta dapat memenuhi cabaran-cabaran di abad ke-21 ini.

Seminar selama tiga hari itu dijangka akan membentangkan lima kertas kerja dihadiri lebih 200 orang guru yang antara lain bertujuan untuk mengumpulkan masyarakat pendidik dan beberapa orang pakar bagi sama-sama menyumbangkan pemikiran, pendapat dan pengalaman serta pengetahuan untuk menghasilkan pembentukan dan perisian mata pelajaran seni lukis dan kerja tangan yang akan menjurus kepada mata pelajaran seni.

Dengan terlaksananya seminar itu ia diharap akan dapat memberikan hala tuju dan dapat membantu Jabatan Perkembangan Kurikulum mengubal bahan-bahan kurikulum yang lebih relevan dan sesuai dengan keadaan masa kini.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Dayang Hajah Norsiah ketika menyampaikan penganugerahan selepas merasmikan Seminar Lukisan dan Kerja Tangan Bagi Guru-guru Sekolah Rendah dan Menengah Seluruh Negara 2001. Majlis berlangsung di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolikiah. - Gambar oleh Masri Osman.

Pemberian perkhidmatan perlu perubahan

Oleh Siti Muslihat HS

GADONG, 23 Jun. - Program-program pendidikan ketika ini mengalami pelbagai faktor perubahan termasuk cara bagaimana ianya disampaikan.

Menurut seorang profesor dari Pengajian Kejururawatan dan Perbidanan, Maktab Perubatan, ejen-ejen perubahan adalah melingkungi perubahan-perubahan kepada persiapan prapendaftaran bagi jururawat dan perbidanan.

Faktor-faktor perubahan menekankan perkara-perkara seperti perubahan terhadap pemberian perkhidmatan, peningkatan peranan kejururawatan, pembiayaan pendidikan, agenda dasar kerajaan, devolusi politik, media dan agensi insurans nyawa.

Profesor Ann Tucker menambah, faktor-faktor berkenaan tidak hanya melibatkan bagaimana program-program dikembangkan peranan tetapi juga tuntutan bagi kedua-dua pra-pendaftaran dan program pendidikan yang berterusan.

Prinsip yang penting katanya, para penyedia pendidikan perlu menyediakan pengamal-pengamal yang boleh memberikan pemedulian sesuai dengan dunia ketika ini.

Menyentuh mengenai kurikulum di Wales, elemen penting kurikulum di sana tambahannya, menggunakan semua pendekatan cara Wales yang menggariskan beberapa rekodansi. Kesemua rekodansi tersebut adalah bagi memastikan penyediaan pendidikan

menepati kehendak pemberian pemedulian kesihatan yang memberikan penekanan terhadap usaha sama, sokongan penyediaan dan kecekapan.

Salah satu rekomendasi, jelasnya ialah institusi pendidikan tinggi perlu bekerja secara usaha sama dengan rakan-rakan di klinik dalam menambahkan kurikulum, sementara sokongan bagi pembelajaran yang berasaskan kerja juga merupakan satu keperluan.

Dalam ceramah umumnya yang berlangsung di Dewan Juhli Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolikiah, beliau berkata pada umumnya, banyak menyentuh mengenai perkara-perkara yang menjadi amalan di Pengajian Kejururawatan dan Perbidanan, Universiti Wales termasuk kurikulum baru yang dilaksanakan pada bulan Mac 2001 dan perubahan ke atas perundangan kejururawatan dan perbidanan.

Ceramah umum tersebut dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolikiah, para tenaga pengajar kejururawatan dan pelajar yang mengikuti kursus di maktab berkenaan.



PROFESOR Ann Tucker dari Pengajian Kejururawatan dan Perbidanan, Maktab Perubatan di Universiti Wales Cardiff, United Kingdom ketika memberikan ceramah mengenai Program-program Pendidikan Kejururawatan dan Perbidanan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

TMB pencetus perubahan industri negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Jun. - Bidang pelancongan di rantau ASEAN dan Asia Pasifik merupakan salah satu sektor yang berkembang begitu pesat dan telah diberikan tumpuan utama.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menyatakan demikian ketika bersabda melancarkan Festival Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo 2001 (BIBBF) berlangsung di ibu negara.

BIBBF 2001 adalah salah satu acara utama dalam kalendar Tahun Melawat Brunei 2001 yang diung- kayahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Bahagian Promosi Perindustrian dan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam usaha ke arah mem- pelbagaikan ekonomi negara.

Menurut Yang Amat Mulia, industri pelancongan diakui sebagai 'Booming Sector' dalam pertumbuhan ekonomi dunia yang boleh membuka peluang-peluang pekerjaan dan seterusnya menyumbang hasil daripada per- tukaran wang asing, di samping bertindak sebagai 'Multiplier Effect' kepada ekonomi yang lain.

Yang Amat Mulia bersabda, dengan usaha-usaha yang bersepa- du daripada semua peringkat sama ada kerajaan dan swasta maka pro- jek Tahun Melawat Brunei meru- pakan satu inisiatif kebangsaan yang akan menjadi pencetus perubahan industri negara untuk menjadikan negara ini lebih me- luas sebagai destinasi pelancongan yang terunggul di rantau ini.

"Sayugia dengan itu saya menyeru kepada semua sektor swasta dan persatuan-persatuan belia di negara ini untuk bertindak selaku penggerak utama pada se- tiap aktiviti yang telah dirancang, di samping proaktif untuk meren- canakan apa jua aktiviti bagi men- dukung Tahun Melawat Brunei ini," sabda Yang Amat Mulia.

Sebagai misalan, jelas Yang

**Oleh
Sahari Akim**

Amat Mulia, Persatuan PEMODA dengan kerjasama Bahagian Pro- mosi Perindustrian dan Pelan- congan, Kementerian Perindus- trian dan Sumber-Sumber Utama telah mengusahakan satu soko- ngan ke arah wawasan kerajaan untuk menjadikan negara ini seba- gai pilihan utama destinasi pelan- congan dari luar negara.

Yang Amat Mulia menje- laskan, pihak kerajaan selaku pemudah cara akan sentiasa mem- bantu dan menyokong apa jua kegiatan yang dilaksanakan oleh sektor swasta atau mana-mana badan yang berdaftar.

Dalam kesempatan itu Yang Amat Mulia juga mengingatkan semua ahli PEMODA serta selu- ruh rakyat dan penduduk negara ini yang menggunakan infrastruk- tur jalan raya di dalam dan luar negara supaya berhati-hati serta menjaga keselamatan apabila berada di jalan raya.

"Dari itu sempena per- kumpulan ini saya berseru kepada semua yang hadir supaya perkara ini diambil berat demi kesela- matan kita bersama. Perkara ini bukan sahaja penting kepada mereka yang menunggang moto-

sikal, basikal, memandu kendera- an bahkan juga kepada mereka yang berjalan kaki."

"Adalah sangat penting bagi semua pengguna jalan raya untuk mengambil berat khususnya aspek keselamatan setiap kali berada di jalan raya," tegas Yang Amat Mulia.

Sempena pelancaran BIBBF 2001 beberapa aksi ketangkasan menunggang motosikal telah dipertunjukkan oleh ahli-ahli PEMODA.

Negara ini menjadi tuan rumah buat kali pertama kepada BIBBF yang merupakan acara tahunan dan dikendalikan secara bergilir antara Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak. BIBBF 2002 dijangka akan diadakan di Negeri Sabah pada bulan Jun tahun depan, manakala Sarawak telah menjadi tuan rumah pada tahun lepas.

Lebih kurang 400 penunggang motosikal berkuasa tinggi tem- patan termasuk peserta-peserta dari Sabah dan Sarawak telah mengambil bahagian dalam BIBBF 2001 itu.

Antara tujuan BIBBF ialah untuk menyatupadukan persatuan- persatuan motosikal di Kepulauan Borneo, di samping dapat meng- eratkan hubungan silaturahim di antara ahli-ahli dan penunggang- penunggang motosikal.



YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith mencuba menung- gang motosikal berkuasa tinggi kepunyaan seorang peserta Festa Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo 2001 (BIBBF) sejurus selepas melancarkan festival tersebut (atas). Sementara gambar bawah, Yang Amat Mulia dan lain-lain jemputan menyaksikan pertunjukan dan pameran motosikal yang disertai sama oleh para peserta dari Sabah dan Sarawak. - Gambar oleh Hamadi HM.



Peserta BIBBF berkunjung ke Daerah Belait

**Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA**

rakyat dan penduduk daerah itu dan beliau yakin keindahan tempat dan kemesraan rakyat dan pen- dukud daerah ini akan menjadi khazanah dan ristaan abadi kepada para peserta.

Beliau berkata lagi dengan

adanya peluang seumpama itu mereka akan dapat berkenalan antara satu sama lain, di samping mempromosi dan mengenalkan daerah ini bukan sahaja di kala- ngan Kepulauan Borneo tetapi juga seluruh pelusuk dunia.

Beliau berucap demikian di Majlis Mengalu-alukan Peserta Festival Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo 2001 (BIBBF) yang diadakan di Dewan

Bandaran di sini.

Pegawai Daerah seterusnya melahirkan rasa bangga kepada para peserta kerana meluangkan masa mengunjungi Daerah Belait yang merupakan salah satu dari empat daerah yang mempunyai kekayaan, keindahan semula jadi yang begitu unik dan memasyhur daripada hasil mahsulnya emas hitam (minyak dan gas).

Daerah ini katanya mempu- nyai dua buah bandar, Seria dan Belait dengan keramaian pen- dukud 70,000 orang terdiri darip- da pelbagai kumpulan etnik teru- ta-ma masyarakat Belait, Tionghoa, Iban, Melayu dan lain-lain bangsa.

Di majlis itu para peserta telah mendengar taklimat ringkas men- genai kawasan-kawasan pelancon- gan yang terdapat di Daerah Belait yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelan- congan Daerah Belait, Dr. Ismail bin Opok.

Majlis diserikan dengan per- sembah tradisional dari Badan Kebudayaan dan Kesenian Daerah Belait. Seramai 400 peserta dari Negara Brunei Darussalam, Sa- bah, Sarawak dan Wilayah Kali- mantan mengikuti festival empat hari itu yang bermula 22 Jun lalu.

Di samping mengadakan lawatan di keempat-empat daerah di negara ini, mereka juga meng- adakan pameran pelbagai jenis motosikal berkuasa tinggi yang digunakan di Kepulauan Borneo serta pertunjukan 'stunt' dan sukan persahabatan.



PESERTA Festival Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo 2001 (BIBBF) tiba di Daerah Belait dialu-alukan dengan pemberian bunga (kiri). Sementara gambar kanan, para peserta BIBBF tiba di Kuala Belait. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Industri pelancongan boleh dikembangkan



PENGARAH Promosi dan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammed hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Makan Malam Perpisahan yang diberikan PEMODA bagi mengalu-alukan kehadiran peserta BIBBF. - Gambar oleh Masri Osman.

PESERTA BIBBF LAHIRKAN PENGHARGAAN

JERUDONG, 24 Jun. - Rata-rata para peserta Borneo Island Big Bike Festival 2001 Ke-2 (BIBBF) melahirkan rasa puas hati dan berbangga kerana kejayaan Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) selaku penganjur dan tuan rumah BIBBF kali ini.

Mereka diraikan di Majlis Makan Malam Perpisahan yang diberikan oleh PEMODA dengan kerjasama Unit Promosi dan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Ketua Unit Pelancongan, Awang Haji Md. Tali bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil-sijil kepada semua peserta yang memenangi dalam acara yang diadakan.

Antara acara yang diadakan ialah menunggang motosikal 50cc dengan berundur, bermotosikal acara perlahan, acara relay memasang topi keledar, sarung tangan dan jaket, mencari kunci motosikal, bermotosikal perlahan bagi yang dipertua dan naibnya dan acara kemuncak tarik kalat.

Festival kali ke-2 ini merupakan susulan BIBBF pertama tahun lepas di mana Sarawak menjadi penganjur dan tuan rumah. BIBBF tahun depan dijadualkan pada 1 Jun, 2002 di Sabah.

Mengikut sumber yang diketahui, Sabah akan menjadikan Bandar Tawau sebagai tempat perlawanan dengan menjanjikan penyertaan yang

BERAKAS, 22 Jun. - Industri pelancongan negara boleh berkembang mengikut kemajuan dan perkembangan negara walaupun kegawatan ekonomi yang telah menimpa banyak negara-negara di rantau ini.

Apa yang penting ialah komitmen semua pihak bagi pihak kerajaan dan bukan kerajaan dalam sama-sama memajukan industri seperti yang telah dibuat oleh Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) dengan mengadakan Borneo Island Big Bike Festival 2001 Ke-2 (BIBBF).

Festival empat hari itu diharapkan dapat menarik pelancong dari dalam dan luar negara untuk menyaksikannya, di samping dapat sama-sama berhibur dengan beberapa acara sampingan yang telah disediakan oleh pihak jawatankuasa.

Peserta BIBBF diraikan dalam Majlis Makan Malam yang diberikan oleh PEMODA sebagai mengalu-alukan kehadiran mereka di festival itu di salah sebuah restoran di sini.

Pengarah Promosi dan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammed, hadir selaku tetamu kehormat.

Juga hadir ialah Naib Yang Dipertua PEMODA, Awang Shahminan bin Haji Besar dan ketua rombongan motosikal berkuasa tinggi Sabah, Yang Berhormat Ramle Dua serta ketua rombongan dari Sarawak.

Antara persatuan dan kelab luar negara yang menyertai BIBBF Ke-2 itu ialah Sabah Big Bike Club, Kota Kinabalu Jaguh Club, Victoria Arm

Oleh Aliddin HM

Big Bike Club, Rolling Thunder Kuching dan Limbang Big Bike Club.

Apa yang menjadi perhatian oleh peserta-peserta ialah seorang peserta dari Sabah ialah penunggang wanita yang menggunakan motosikal jenis Jaguh keluaran Modenas untuk menyertai BIBBF Ke-2 ini.

Aidarina Jakaria yang sempat ditemu bual wakil PELITA BRUNEI menjelaskan bahawa beliau mula berminat menunggang motosikal berkuasa tinggi sejak dua tahun lalu setelah mula belajar menunggang motosikal kecil sebagai permulaan.

Katanya, ketika itu beliau belum lagi mempunyai lesen memandu motosikal sah dan sering menunggang motosikal secara 'illegal' tetapi setelah memiliki lesen yang sah beliau menyedari kesalahannya itu.

Ditanya mengapa mementi 'touring' seperti itu, jelasnya, dia ingin menyahut cabaran menunggang motosikal kerana tidak ramai kaum hawa yang ingin menunggang motosikal berkuasa tinggi.

Beliau yang lebih mesra dikenali sebagai Aida telah beberapa kali menjelajah bandar-bandar dan pekan di Sabah, tetapi ini adalah merupakan kali pertama untuknya menjelajah ke Negara Brunei Darussalam yang jarak perjalanan lebih 360 kilometer menunggang motosikal bersama penunggang lelaki yang lain.

Oleh Abdullah Asgar

menyeluruh daripada peminat motosikal berkuasa tinggi dari seluruh Sabah akan dijemput.

Bagi PEMODA, BIBBF 2001 sebagai mercu tanda kejayaannya bilamana ianya boleh mengendalikan pesta bertaraf Borneo jika dipandang pada usianya baru 'mencapai' lima tahun sejak penubuhannya pada Januari, 1996.

Sebagai persatuan yang baru, keberanian PEMODA menganjurkan BIBBF 2001 tanpa pengalaman tidak boleh dipandang remeh walaupun terdapat sedikit kerumitan di luar dugaan, tetapi dapat diatasi dengan perbincangan serta pihak jawatankuasa tetap berpuas hati dan berbangga di atas kejayaan menganjurkan pesta tersebut.

Bertitik-tolak dari BIBBF 2001, PEMODA mengambil punggur ke hadapan bagi menganjurkan 'International Big Bike Festival' tahun depan jika mendapat restu daripada pihak berkenaan.

Pengarah Promosi dan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammed, hadir selaku tetamu kehormat.

Hadir Naib Yang Dipertua PEMODA, Awang Shahminan bin Haji Besar, ketua rombongan motosikal berkuasa tinggi Sabah, Yang Berhormat Ramle Dua dan ketua rombongan dari Sarawak.



MAJLIS Makan Malam Perpisahan yang diberikan oleh PEMODA dengan kerjasama Unit Promosi dan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Hadir di majlis itu ialah Awang Haji Md. Tali bin Haji Abdul Rahman, Ketua Unit Pelancongan. - Gambar oleh Masri Osman.



PERLAWANAN menunggang motosikal 500cc dalam pelbagai acara telah diadakan di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah baru-baru ini. Perlawanan tersebut adalah salah satu acara 'International Big Bike Festival 2001' (gambar atas dan kanan). - Gambar oleh Hamadi HM.



DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK



KIBARKAN BENDERA SEMPENA HARI KEPUTERAAN

SEMPENA Sambutan Hari Keputeraan Ke-55 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam hendaklah mengibarkan bendera mulai hari Jumaat, 13 Julai, 2001 hingga hari Selasa, 31 Julai, 2001.

Bagi Pengiran-pengiran hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka, orang-orang yang dikurniakan gelaran hendaklah mengibarkan bendera masing-masing dan orang ramai hendaklah mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

HJ. NABIL RANGKUL PIALA REBUTAN RBGCC

Oleh Haji Ahat HI

Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin berjaya merangkul juara keseluruhan Piala Royal Brunei Golf and Country Club (RBGCC) selepas mencatatkan 84 gross dalam pertarungan merebut piala tersebut di RBGCC Jerudong pada 24 Jun lalu.

Pemain yang mempunyai 16 handicap bermain cemerlang mengatasi semua peserta dan selanjutnya merangkul piala yang sebelum ini dimenangi oleh Bekas Pemerintah ABDB, Pengiran Dato Paduka Seri Mejar Jeneral (B) Haji Abidin bin Pengiran Ahmad.

Naib juara keseluruhan gross disandang oleh Leftenan Kolonel (B) Haji Ibrahim bin Haji Jumahat yang mencatatkan 85 gross (OCB), yang juga sama dicapai oleh pemenang ketiga Haji Momin bin Haji Sawal.

Juara keseluruhan Nett pula disandang oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammad Al-Mokhtar yang mencatatkan 71 nett (OCB), manakala naib juara, Mejar (U) Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Tuah yang juga mencatatkan 71 nett (OCB). Ketiga, Mejar Haji Azlan bin Haji Md. Saji dengan catatan 74 nett (OCB).

Perlawanan bahagian 'A' pula dijuarai oleh Haji Aziyan bin Abdullah; kedua, Dato Seri Setia Kolonel Haji Samid bin Haji Abdul Aziz dan ketiga, Pengiran Yusof bin Pengiran Haji Mat Salleh.

Dalam bahagian 'B', juara Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Saifullah; kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Paduka Haji Awang Zakaria dan ketiga, Penguasa Chua Pheng Kui.

Pemenang bahagian 'C' ialah Haji Wahab bin Juned; kedua, Leftenan Kolonel Pengiran Haji Ramli dan ketiga, Sidek Ali.

Kejohanan yang disertai hampir 70 pemain itu turut disertai oleh menteri kabinet, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengurus Kewangan Bank Baiduri, Awang Haji Haliluddin bin Dato Paduka Haji Talib.



JUARA ... Haji Nabil Daraina menerima piala rebutan sejurus selepas muncul menjuarai Kejohanan Golf anjuran RBGCC di Jerudong. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PARA pemenang Kejohanan Golf RBGCC merakamkan gambar kenangan sejurus selepas menerima hadiah masing-masing. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sukan tarik kalat semakin popular dan diminati ramai terutama sekali apabila menjelang Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sukan yang tergolong dalam Sukan Untuk Masyarakat (SUM) ini sering menjadi perhatian ramai dan dinanti-nantikan oleh masyarakat pelbagai golongan untuk menyaksikan medan pertarungan mengadu tenaga kekuatan.

Justeru, pada tahun ini Jawatankuasa Perayaan Tarik

Tarik kalat DBM : Lebih 50 pasukan berentap

Oleh
Haji Ahat HI

Kalat sekali lagi mengelolakan dan berjaya menarik sejumlah 24 pasukan menyertai kategori 'B', 22 pasukan menyertai kategori 'A' dan tujuh pasukan menyertai kategori 'C'.

Pengerusi Jawatankuasa Tarik Kalat sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-55, Pengiran Haji Jadid bin Pengiran Haji Omarali menyatakan sambutan penyertaan pada tahun ini amat menggalakkan apabila lebih 50 buah pasukan menyertainya dalam tiga kategori.

Dengan penyertaan yang ramai ini, katanya, jawatankuasa mempertandingkan semua perlawanan selama tiga hari di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Daripada perlawanan-perlawanan itu tambahnya, juara setiap bahagian akan mewakili Daerah Brunei dan Muara ke perlawanan peringkat kebangsaan dan selanjutnya Kejohanan Peringkat Se-Borneo.

Dalam pertandingan peringkat pusingan awal Daerah Brunei dan Muara bagi kategori 'B' Persatuan Pedoman 3 menumpaskan Setia Protective Security Service (SPSS); Jabatan Penjara menumpaskan Seri Taman, manakala Polis menumpaskan Cempaka Kuning.

Kategori 'A', pusingan awal Polis menundukkan Persatuan

AKSE; Kementerian Pendidikan menang tanpa bertanding ke atas Banting; Unit Simpanan Gurkha menumpaskan Persatuan Pedoman 2 dan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik menumpaskan Seri Tumasek, manakala bagi kategori 'C' beliau 21 tahun ke bawah, Mukim Saba menumpaskan Mukim Berakas 'B'; Persatuan Pedoman menumpaskan Persatuan AKSE dan Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam menumpaskan Mukim Berakas 'B'.

Terdahulu sebelum itu pembukaan rasmi kejohanan telah dirasmikan oleh Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Awang Haji Junaidi bin POK-SPSD Haji Hashim.



PENGARAH Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Awang Haji Junaidi bin POKSPD Haji Hashim diperkenalkan kepada para peserta yang mengambil bahagian dalam Perlawanan Tarik Kalat Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



DUA pasukan yang mewakili Daerah Brunei dan Muara ketika beraksi di Perlawanan Tarik Kalat Daerah Brunei dan Muara bagi pemilihan ke perlawanan peringkat kebangsaan dan selanjutnya Kejohanan Peringkat Se-Borneo (gambar atas dan kiri). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Mu'min berkenan menyampaikan Piala Rebutan sumbangan Bank Baiduri bagi Kejohanan Golf Amal kepada Haji Shaminan Haji Damit yang menjuarai acara gross keseluruhan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Haji Shaminan juara keseluruhan Pertandingan Golf Amal Bank Baiduri

Oleh Samle Haji Jait

MENTIRI, 17 Jun. - Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Fattaah, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Mu'min dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Haji Omar Ali, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih berkenan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang Kejohanan Golf Amal Kumpulan Bank Baiduri dan sumbangan bantuan di Kelab Golf Pantai Mentiri.

Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bulqiah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khalilatul Bolqiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Naafi'ah Khairul Bulqiah.

Haji Shaminan Haji Damit yang menjuarai acara gross keseluruhan berjaya merebut Piala Rebutan sumbangan Bank Baiduri dalam perlawanan yang berakhir pada hari tersebut.

Lim Tiong Kheng menjuarai keseluruhan nett selepas mengalahkan Robert Liaw Poh Chian, Haji Shaiful Rizal dan Yong Yin Chong yang hanya menduduki di tempat terbaik pertama, kedua dan ketiga.

Kejohanan itu juga menyaksikan pemenang pingat emas negara dalam kejohanan di Arafura baru-baru ini, Zulhilmu Haji Rosli terus cemerlang bagi menempatkan diri di tangga pertama dalam acara gross lelaki B, sementara Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saifullah memenangi bagi nett lelaki B.

Robert Liaw Poh Chian mengungguli acara nett lelaki A; Cheah Lye Chong pula menjuarai nett lelaki C, bagi acara nett lelaki D dimenangi oleh Stanley Chua.

Sementara itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Mu'min juga berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah bagi pemenang kategori wanita.

YDM Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammed telah memenangi bagi penyer-taan golf senior dan Haji Abdul Aziz Kassim di tempat kedua. Bagi hadiah 'longest drive' pada lubang 18 telah dimenangi oleh Stanley Chua dan Mohd. Alif, manakala hadiah 'nearest to the pin' dimenangi oleh Andrew Young dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saifullah.

Kejohanan selama dua hari itu telah disertai oleh lebih 300 pemain golf tanah air yang dibahagikan kepada empat kategori termasuk bahagian wanita.

Sempena kejohanan itu, Bank Baiduri juga menyampaikan sum-bangan sejumlah empat buah kerusi roda, kerusi khas, kusyen dan tilam khas kepada lima orang kanak-kanak dari Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Kiarong.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Haji Omar Ali berkenan menyempurnakan sumbangan itu kepada penerima-penerima.

Rafidah Saumai menerima kerusi khas dan kerusi roda, Lama Jane Julius, Siti Nuakinah Emran dan Abdul Yazid masing-masing menerima kerusi roda dan Rokiah Haji Sitam menerima kusyen dan tilam khas.

GABUNGAN 'A' JUARA LIMA SEPASUKAN

Oleh
Haji Ahat HI

GABUNGAN 'A' muncul menjuarai Kejohanan Bola Sepak Lima Orang Sepasukan selepas menundukkan Terumbu Karang 3-0 dalam perlawanan akhir di Dewan Serbaguna Stadium Negara Hassanah Bolkih, Berakas.

Gabungan 'A' yang mengan-dungi pemain-pemain dari Bahagian Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Kemajuan dan Bungkusannya mem-pamerkan aksi cemerlang dengan mendahului 2-0 di separuh masa pertama.

Meskipun ketinggalan Ter-umbu Karang cuba bangkit di separuh masa kedua dengan melakukan asakan bertali arus, namun segala percubaan tersa-

sar keluar, manakala Gabungan 'A' yang hanya bertahan berjaya menambahkan satu lagi jaringan menjadikan kedudukan 3-0.

Bahagian Mel yang terdiri dari PMM, MELB, INTL menduduki tempat ketiga setelah menumpaskan Gabungan 'B' 3-0.

Kejohanan sempena Hari Pos Sedunia Tahun 2001 itu di-sertai oleh enam pasukan dan hadiah-hadiah telah disam-paikan oleh Ketua Pos Agung, Awang Haji Saji bin Haji Mudin.

Walkaton amal Sekolah PDS

SEKOLAH PDS dan Sekolah Antarabangsa PDS, telah mengadakan walkaton pada hari Ahad, 17 Jun lalu di sekolah berkenaan di Kampong Jangsak, Gadong.

Walkaton tersebut adalah bagi mengutip derma untuk Tabung Anak-Anak Yatim dan Kanak-Kanak Istimewa di negara ini (KACA).

Hasil daripada kutipan derma itu akan disum-bangkan kepada tabung-tabung berkenaan.

Menyertai walkaton itu ialah murid-murid sekolah berkenaan dari peringkat prasekolah

Oleh Aliddin HM

hingga ke tingkatan dua, di mana jarak walkaton itu dibahagikan kepada beberapa bahagian dan jarak yang paling jauh sekali ialah 10.3 kilometer.

Para peserta yang memenangi dalam pelbagai acara walkaton itu telah menerima hadiah masing-masing daripada Pengarah Sekolah PDS dan Sekolah Antarabangsa PDS, Pengiran Dato Paduka Shariffuddin.



WALKATON bagi mengutip derma untuk Tabung Anak-Anak Yatim dan Kanak-Kanak Istimewa (KACA) anjuran Sekolah PDS. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



KEJOHANAN Bola Sepak Lima Orang Sepasukan antara Gabungan 'A' dan Terumbu Karang yang berlangsung di Dewan Serbaguna Stadium Negara Hassanah Bolkih (atas). - Gambar oleh Hamadi HM.

PASUKAN Gabungan 'A' gembira dengan piala dan hadiah kemenangan dalam Kejohanan Bola Sepak Lima Orang Sepasukan. Kejohanan itu adalah sempena Hari Pos Sedunia Tahun 2001 (kanan). - Gambar oleh Hamadi HM.



DYTM hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kanada, Yang Berhormat Tuan John Manley sempena dengan Hari Kanada.

Dalam sabda perutusan, Duli Yang Teramat Mulia menghargai hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua buah negara dan berharap menemui Yang Berhormat di Persidangan Menteri-menteri Luar di Hanoi lewat bulan Julai.

Brunei tuan rumah Mesyuarat AMEM

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Jun. - Persiapan-persiapan sedang giat dilaksanakan bagi Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN (AMEM) yang akan diadakan di salah sebuah hotel di Negara Brunei Darussalam esok 5 Julai. Mesyuarat peringkat menteri ini akan dipengerusikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia

Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammed Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Mesyuarat AMEM Kali Ke-199 ini telah diadului oleh Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Tenaga ASEAN (SOME) pada 2 hingga 3 Julai dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Tenaga ASEAN bersama Pegawai-pegawai Kanan

Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun (SOME-METI), pada 4 Julai.

Antara isu-isu yang dijangka dibincangkan ialah pelaksanaan Pelan Tindakan Hanoi (Hanoi Plan of Action - HPA), khususnya pencapaian dalam bidang Kerjasama Tenaga ASEAN, sebagai persediaan bagi Sidang Kemuncak ASEAN Kali Ke-7 yang akan

diadakan di Negara Brunei Darussalam pada bulan November 2001 nanti. Di samping itu, mesyuarat menteri-menteri juga akan membincangkan beberapa isu lain berhubung dengan perkembangan tenaga yang berdaya tahan di rantau ASEAN (Sustainable Energy Development) serta beberapa inisiatif dalam bidang kerjasama tenaga dalam ASEAN dan bersama rakan dialog ASEAN.

Pegawai-pegawai Kanan Tenaga ASEAN (SOME) juga berkesempatan untuk mengadakan perbincangan bersama perwakilan daripada Majlis Perniagaan Amerika Syarikat (US Business Council), pada 3 Julai lalu. Antara isu-isu yang dibincangkan ialah mengenai dengan pasaran tenaga tanpa batasan, isu alam sekitar dalam tenaga dan isu keselamatan tenaga.

Turut terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut ialah beberapa agensi kerajaan yang berkenaan seperti Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pembangunan, Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.



MESYUARAT Agung Tahunan bagi tahun 2001, Bank Islam Brunei Berhad (IBB) telah dipengerusikan oleh Pengarah Urusannya, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Abdul Karim. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Dari muka 1

Hasil keuntungan bersih daripada operasi bagi tahun 1999 selepas ditolak zakat dan cukai telah menunjukkan peningkatan sebanyak 55.21 peratus dari tahun 1998 yang berjumlah sebanyak B\$4.91 juta.

Semua perkara itu telah dibentangkan oleh Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan bagi tahun 2001 bank tersebut yang juga Pengarah Urusannya, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Abdul Karim.

Mesyuarat pada hari itu juga membentangkan perkara berbangkit daripada minit mesyuarat agung tahun 2000 menerima dan meluluskan akaun bank bagi tahun berakhir 31 Disember, 2000.

Selain itu juga, mesyuarat membentangkan cadangan mengisytiharkan pembahagian dividen bagi tahun berakhir 31 Disember, 2000 dan seterusnya melantik juruaudit bagi tahun akan datang dan memberikan kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan ganjaran.

PERLAKSANAAN PELAN TINDAKAN HANOI DIBINCANG

JERUDONG, 2 Julai. - Persediaan awal Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN Ke-19 (AMEM) yang dimulakan dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN (SOME) telah memusatkan perbincangan kepada pelaksanaan Pelan Tindakan Hanoi.

Antaranya termasuklah pencapaian dalam bidang Kerjasama Tenaga ASEAN, sebagai persediaan bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7 yang diadakan di Bandar Seri Begawan November nanti.

Mesyuarat peringkat SOME itu dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim yang mengambil alih daripada Tuan Vu Van Thai, dari Vietnam berlangsung di Empire Hotel Country Club di sini.

Dalam perbincangan tersebut, pegawai-pegawai kanan juga berkesempatan mengadakan perbincangan bersama perwakilan daripada Majlis Perniagaan Amerika Syarikat (US-Business Council).

Di perbincangan itu nanti, antara isu-isu yang disentuh ialah mengenai dengan pasaran tenaga tanpa batasan, alam sekitar dalam tenaga dan keselamatan tenaga.

Di samping itu, mesyuarat peringkat SOME mereka juga akan berbincang mengenai cara-cara mengimplementasi enam bidang program di bawah Pelan Tindakan Hanoi bagi Kerjasama Tenaga 1999-2004, iaitu 'ASEAN Power Grid, Trans-ASEAN Gas Pipeline; Energy Efficiency and Conservation; New and Renewable Sources of Energy; ASEAN Forum on Coal dan The Regional Energy Outlook.

Selain itu, perjumpaan bersama rakan sebaya dari Jepun pada 'SOME METI Consultations Meeting' pada 4 Julai juga akan diadakan.

Perjumpaan ASEAN dan Jepun akan membincangkan pelbagai pengimplementasian kegiatan kerjasama tenaga sebagai meningkatkan Kerjasama Tenaga ASEAN-METI.

Mesyuarat peringkat SOME itu, Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Kemboja, Tuan Yang Terutama Tuan Khilaut

Randy; Republik Indonesia, Dr. Luluk Sumiarso; Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Houmphone Bulyaphol; Malaysia diwakili oleh Syed Hamzah bin Syed Othman; Republik Filipina, Tuan C. Del Callar; Republik Singapura diwakili oleh Tuan Wong Siew Kwong; Thailand, Tuan Piyasvasti Amarnand; Vietnam, Tuan Vu Van Thai dan Sekretariat ASEAN, Tuan Honorio R. Vitasa.

Oleh
Abdullah Asgar dan
Samle Haji Jait



MESYUARAT Menteri-menteri Tenaga ASEAN Ke-19 (AMEM) dimulakan dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN (SOME) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman. Majlis berlangsung di Empire Hotel and Country Club.



RAJA BERDAULAT NEGARA SEJAHTERA

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دجيتق اوله جباتن فرچيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Memeriahkan perayaan Hari Keputeraan

DALAM masa kurang dua minggu sahaja lagi, seluruh rakyat dan penduduk negara ini akan sekali lagi dapat bersama-sama merayakan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun yang akan diadakan pada hari Ahad, 15 Julai, 2001. Sesungguhnya Hari Keputeraan baginda merupakan hari kebesaran Negara Brunei Darussalam yang kita sambut dengan penuh rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala.

Bagi memeriahkan lagi perayaan itu, jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dipertanggungjawabkan di seluruh negara iaitu Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong kini membuat persiapan terakhir di mana seperti juga di tahun-tahun yang sudah pelbagai rancangan telah disusun.

Pintu-pintu gerbang kini telah menghiasi keindahan ibu negara, Bandar Seri Begawan dan juga di keempat-empat daerah. Bangunan-bangunan kerajaan juga kini dihiasi dengan pintu-pintu gerbang yang beraneka corak. Bendera Negara Brunei Darussalam juga kini telah berkibar menghiasi bangunan-bangunan kerajaan, kompleks membeli-belah, kedai-kedai dan juga di sepanjang jalan utama di ibu negara. Lampu-lampu neon juga kini sedang dipasang menghiasi tiang-tiang elektrik dan sepanjang jalan-jalan utama di Bandar Seri Begawan, Berakas dan Gadong juga di sepanjang Jalan Sultan.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat akan tetap menjadi acara kemuncak bagi daerah-daerah di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat bercemer duli untuk menemui rakyat baginda. Semasa majlis itulah setiap lapisan rakyat dan penduduk negara ini akan berpeluang menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda sambil berinteraksi secara terbuka dengan baginda. Sesungguhnya Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat merupakan satu manifestasi yang amat unik bagi negara kita dan sekali gus ianya akan dapat memperkuhi institusi beraja dan rakyat yang telah kita amalkan selama ini di bumi Negara Brunei Darussalam.

Melalui Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat, seluruh lapisan penduduk mukim dan kampung akan berpeluang mempertonton dan mempersembahkan segala aktiviti-aktiviti setempat dan usah-usaha perniagaan yang dijalankan selama ini. Tidak syak lagi majlis itu nanti tetap akan menjadi arena yang ditunggu-tunggu oleh setiap lapisan penduduk negara ini tidak kira yang tua, muda, belia, remaja dan kanak-kanak bagi bersemuka dengan raja yang amat dikasihi oleh rakyat jelata.

Penyertaan dan penglibatan rakyat dan penduduk negara ini baik secara langsung mahupun tidak dalam sama-sama memeriahkan perayaan kenegaraan itu nanti adalah merupakan suatu bukti kesetiaan sepenuhnya tertumpu kepada baginda sebagai ketua negara, ketua agama dan ketua pentadbiran.


Setelah 34 tahun menaiki takhta singgahsana dan memerintah negara ini, baginda telah membawa Negara Brunei Darussalam ke mercu kegemilangan. Dalam usaha baginda yang tidak kendur-kendur itu telah menjadikan negara kita mengalami kepesatan pembangunan baik di bidang ekonomi menerusi perkembangan perindustrian dan perkhidmatan kewangan dan bank. Infrastruktur asas seperti elektrik, telekomunikasi dan jalan raya berkembang maju. Perkhidmatan sosial seperti kesihatan, perumahan dan pendidikan mengalami kepesatan yang begitu ketara.

Pendek kata dengan ketokohan dan kewibawaan baginda dalam mentadbir dan membangunkan negara, Negara Brunei Darussalam kini telah sebanding dengan negara-negara maju. Jelasnya, kita berada dalam suasana kehidupan yang

mantap baik dari segi sosio-politik mahupun sosiobudaya. Semuanya ini berpunca daripada keprihatinan dan pengelangan baginda yang berterusan bagi membawa Negara Brunei Darussalam menuju era pembangunan yang lebih pesat di abad 21.

Kepesatan pembangunan yang kita nikmati berterusan selama ini adalah berkat adanya perpaduan dan kerjasama antara kerajaan dan rakyat yang telah membolehkan segala projek pembangunan dan kemajuaan dapat diungkayahkan dengan jayanya. Maka dalam hubungan ini sempena Hari Keputeraan baginda tahun ini, marilah kita semua menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda serta menyokong dan memberikan kerjasama yang padu terhadap apa jua projek pembangunan yang diungkayahkan oleh kerajaan baginda. Kerana dengan ketaatan yang padu sahaja kita akan terus dapat mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini.

Ketaatan juga boleh menguatkan negara kerana ianya menjadikan tujuan antara pemrintah dan rakyat ke arah yang sama. Bilamana kemajuan dapat dicapai dengan jayanya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran sempena Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam juga berangkat sama ke istiadat tersebut.



MAJLIS Ramah Mesra Bersama Rakyat menjadi acara kemuncak perayaan Hari Keputeraan di daerah-daerah.

negara akan terus menjadi kuat dan teguh dari segala segi termasuk politik, ekonomi dan kemasyarakatan. Semua ini akan membawa keharmonian dan kesejahteraan bermasyarakat dapat dicapai dengan jayanya dan seterusnya memudahkan lagi segala usaha pembangunan rohani dan spiritual dijalankan.

Sebagai rakyat, kita adalah bernaung dan berlindung di bawah kerajaan baginda dan baginda pula adalah payung dan pemimpin tertinggi negara kita. Oleh yang demikian kita mempunyai tanggungjawab kepada baginda. Begitu juga sebaliknya baginda mempunyai tanggungjawab terhadap kita sebagai rakyatnya.

Di arena antarabangsa, ketokohan baginda juga terserlah. Baginda bukan sahaja bertanggungjawab mengenal dan menaikkan imej Negara

Brunei Darussalam di mata dunia antarabangsa tetapi apa yang membanggakan kita semua selaku rakyat dan penduduk negara ini, ialah kewibawaan dan ketokohan baginda telah mendapat pujian daripada para pemimpin dunia. Semasa Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC yang telah menjadikan APEC 2000 sebagai yang paling cemerlang sejak ianya diadakan pada tahun 1993 lagi. Sesungguhnya pujian yang diberikan kepada baginda itu juga merupakan satu penghargaan dan kredit kepada Negara Brunei Darussalam, walaupun kita disifatkan sebagai sebuah negara kecil tetapi kita juga berkemampuan menunaikan tanggungjawab kepada masyarakat antarabangsa.

Oleh yang demikian bersempena Hari Keputeraan baginda

ke-55 tahun ini, marilah kita bersama-sama berdoa agar baginda dikurniakan dan dilimpahkan kebaikan, kesejahteraan serta mendapat petunjuk dan hidayah daripada Allah dalam memerintah bumi bertuah yang kita cinta ini. Kita juga panjatkan doa kepada Allah Yang Maha Kuasa supaya negara yang diperintah oleh baginda ini sentiasa aman, makmur, sejahtera dan harmoni. Di samping itu kita selaku rakyat dan penduduk negara ini perlu berazam dan bertekad untuk bekerja dengan lebih gigih dan membulatkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan baginda. Insya-Allah dengan wujudnya perpaduan politik, wujudnya perpaduan dan kerjasama yang erat dan padu antara kerajaan dan rakyat, bumi kita Negara Brunei Darussalam akan terus berkembang maju dan menempa pelbagai kejayaan yang cemerlang.



DATANGLAH BERAMAI-RAMAI KE MASJID-MASJID

SEMBAHYANG fardu Maghrib berjemaah, membaca tahlil dan doa kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun, akan diadakan pada hari Sabtu malam Ahad, 22 Rabiulakhir, 1422 bersamaan dengan 14 Julai, 2001 bermula jam 6.00 petang, dengan penumpuan di masjid-masjid utama seperti berikut dan juga di seluruh masjid dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam:-

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong;
2. Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan;
3. Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong;
4. Masjid Setia Ali, Pekan Muara;
5. Masjid Sharif Ali, Sengkuring;
6. Masjid Al-Muhtadee Billah, Sungai Kebun;
7. Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop;
8. Masjid Kampong Perpindahan Lambak Kanan.

DAERAH BELAIT

1. Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait;
2. Masjid Pekan Seria;
3. Masjid Perpindahan Kampong Pandan, Kuala Belait.

DAERAH TUTONG

1. Masjid Hassanali Bolkiah, Pekan Tutong.

DAERAH TEMBURONG

1. Masjid Utama Mohd. Salleh, Pekan Bangar.

Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan serta orang ramai adalah diharapkan dan dialu-alukan untuk bersama-sama hadir ke masjid-masjid utama tersebut di atas khususnya di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong bagi bersama-sama meramaikan dan memberkati sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun pada tahun ini.

MARILAH kita bertakwa, takwa itu ertinya menjunjung titah perintah Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Di dalam menghadapi kehidupan dengan pelbagai persoalan, kita hendaklah tetap berpegang kepada ajaran Islam yang memang benar-benar telah disediakan untuk membentengi hati dan aqidah dari kesesatan. Kita hendaknya menyedari bahawa harta benda, kedudukan dan kesempatan yang kita miliki semua adalah amanah Allah Subhanahu Wataala yang wajib kita pelihara dan tunaikan.

Kehidupan seorang mukmin yang percaya adanya kehidupan akhirat, tidaklah sama seperti kehidupan orang kafir yang menganggap umur merupakan kesempatan pertama dan terakhir untuk menghabiskan kenikmatan di dunia. Orang yang seperti ini kebanyakan mereka mengikuti kebodohan dan hidup mereka hanya mencari kesenangan. Orang semacam ini termasuk dalam kategori kehidupan orang kafir yang menganggap hidup itu hanya sampai di sini. Kalaulah orang-orang seperti ini tidak sempat mendapat petunjuk kebenaran, maka ia meninggal dalam kesesatan.

Kita hendaklah sentiasa berpegang kepada tuntutan Allah Subhanahu Wataala yakni mampu membahagiakan cita-cita dan kesenangan untuk kehidupan dunia dan akhirat. Dan sentiasa berusaha mencari kebaikan-kebaikan untuk dirinya, keluarga, masyarakat, untuk hari ini dan hari esok. Al-Quran telah mengingatkan bahawa mencari kenikmatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat yang paling agung, hanya mengingati Allah Subhanahu Wataala.

Telah datang nasihat kepada Qarun dahulu, suatu nasihat yang menekankan supaya memperkuat dua amal kehidupan sekali gus, kerana kehidupan di dunia ini, merupakan titian untuk mencapai tujuan kehidupan akhirat. Petunjuk Allah Subhanahu Wataala kepada Qarun itu mengandung pengertian yang terarah dan tepat.

Islam memberikan tuntutan agar setiap Muslim jangan menjadi hamba perutnya yang hidupnya hanya untuk makan, kerja mereka pagi petang, siang malam hanya mengumpulkan pelbagai macam makanan. Apabila usahanya berjaya men-

Kemewahan hidup, ketinggian darjat


MENJERUMUS KEPADA HIDUP ANGKU, SOMBONG

dapatkan makanan yang lazat rasanya, hidup mereka bergembira. Tetapi kalau gagal, keadaannya berubah menjadi marah-marah dan gelisah, dan menduga bahawa takdir Allah Subhanahu Wataala tidak adil.

KITA hendaklah sentiasa berpegang kepada tuntutan Allah Subhanahu Wataala yakni mampu membahagiakan cita-cita dan kesenangan untuk kehidupan dunia dan akhirat. Dan sentiasa berusaha mencari kebaikan-kebaikan untuk dirinya, keluarga, masyarakat, untuk hari ini dan hari esok. Al-Quran telah mengingatkan bahawa mencari kenikmatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat yang paling agung, hanya mengingati Allah Subhanahu Wataala.

Orang seperti ini hanya menumpukan perhatiannya kepada hal-hal yang mengenyangkan perut, tidak mempunyai inisiatif dan usaha untuk membina masyarakat yang memerlukan pengorbanan.

Bagi kita hidup di zaman sekarang, cabaran dalam menuju kebahagiaan itu tidak lain datang dari nafsu yang dikuasainya dan tertipu oleh pujuk rayu iblis dan syaitan. Pujuk rayu itu membawa kepada



Suara dari mimbar

kesesatan, lupa akan erti tujuan hidup yang sebenarnya, sehingga tidak mahu tahu amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Kemewahan hidup, ketinggian darjat bukan membahagiakan seseorang, melainkan menjerumuskan ke dalam sikap hidup dan perbuatan yang menjadikan angku dan sombong.

Kesederhanaan itu merupakan dasar kehidupan Islam. Islam menentang hidup bermewah-mewah dan berlebih-lebihan yang bertujuan untuk menghilangkan benih-benih kemewahan dari kehidupan individu dan kumpulan, agar manusia selamat dan sejahtera serta bahagia. Dari itu kita hen-

daklah menerapkan hidup secara sederhana, semoga Allah Subhanahu Wataala akan lebih banyak memberikan nikmat kurnia-Nya dan akan selamatkan kita semua dari segala bentuk malapetaka dan bencana yang disebabkan oleh keserakahan nafsu.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Mu'min ayat 75 yang tafsirannya:

"Lalu dikatakan kepada mereka setelah ditimpa dengan azab seksa: Balasan buruk yang demikian ini disebabkan kamu dahulu bersuka ria di muka bumi dengan cara yang salah pada hukum Tuhan dan disebabkan kamu bersenang-lenang dan bermegah dengan berleluasa dalam maksiat."

KESEDERHANAAN itu merupakan dasar kehidupan Islam. Islam menentang hidup bermewah-mewah dan berlebih-lebihan yang bertujuan untuk menghilangkan benih-benih kemewahan dari kehidupan individu dan kumpulan, agar manusia selamat dan sejahtera serta bahagia. Dari itu kita hendaklah menerapkan hidup secara sederhana, semoga Allah Subhanahu Wataala akan lebih banyak memberikan nikmat kurnia-Nya dan akan selamatkan kita semua dari segala bentuk malapetaka dan bencana yang disebabkan oleh keserakahan nafsu.

وقت سمیع، امساك، شوروک دات ضحی

وقت ۲ سمیع، امساك، شوروک دات ضحی باکی دایره بروی دات موارا مولای داربی هاری رابو، 12 ربيع الآخر 1422 برسمات 4 جولي 2001 هیئت کھاری ثلاث، 18 ربيع الآخر 1422 برسمات 10 جولي 2001 اداته سفرت دپاوه ایوت:-

هجری	ظهر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروک	ضحی	سمیع
ربیع الآخر									جولي
12	12.26	3.51	6.37	7.52	4.38	4.48	6.12	6.37	4
13	12.26	3.51	6.37	7.52	4.38	4.48	6.12	6.37	5
14	12.26	3.52	6.37	7.52	4.39	4.49	6.12	6.37	6
15	12.26	3.52	6.37	7.53	4.39	4.49	6.12	6.37	7
16	12.26	3.52	6.37	7.53	4.39	4.49	6.12	6.38	8
17	12.27	3.52	6.37	7.53	4.39	4.49	6.13	6.38	9
18	12.27	3.52	6.37	7.53	4.40	4.50	6.13	6.38	10

وقت ۲ سمیع باکی دایره توتوغ دتمبه سالو مینیت دات دایره بلایت دتمبه بیگ مینیت، سمیع فرض جمعة دسلوروہ نکارا بروی دارالسلام دمولای دیری فوکل 12.45 تھاری.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulullah, Wa'ala Aalihi Wasabbihi Waman Wala.

A DAPUN nyanyian tanpa muzik kecuali alat yang dikecualikan dengan nash, adalah harus selama mana seni kata atau liriknya tiada terkeluar daripada kaedah dan adab-adab Islam. Beberapa contoh dalam perkara ini, ialah:

A. NYANYIAN PADA HARI RAYA:

Harus hanya dengan memukul atau dengan iringan duff (kompang), iaitu bagi menunjukkan kegembiraan dan kesukaan. Seni kata atau liriknya juga tidak terkeluar daripada kaedah dan adab-adab Islam, berdasarkan dalil syarak dan hadis Aisyah yang telah disebutkan sebelumnya.

B. NYANYIAN DALAM MAJLIS PERKAHWINAN:

Harus juga dengan hanya memukul atau iringan duff (kompang) berdasarkan hadis Aisyah yang dikeluarkan oleh Al-Bukhari bahawa Aisyah Radiallahuanha pernah menyiapkan pengantin perempuan untuk seorang lelaki Anshar, lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Wahai Aisyah, permainan apakah yang ada bersama kamu? Kerana orang-orang Anshar itu suka kepada permainan."

Dalam satu riwayat lain oleh Al-Thabarani, disebutkan: "Adakah kamu kirim bersamanya seorang budak yang memukul duff (kompang) dan menyanyi?" Aku (Aisyah) bertanya: "Apakah yang dinyanyikannya?" Ba-

Bilangan 122 Bahagian Akhir

ginda menjawab: "Dia menyanyi:

kami mendatangi kamu,
kami mendatangi tuan,
maka sambutlah kami,

ami akan memberi sambutan.

jika bukan kerana emas merah

lembah kamu ini tidak akan terbuka,

Jika bukan kerana gandum kemerahan

anak dara kamu tidak akan gemuk."

C. AL-HIDA':

Nyanyian penggerak semangat yang dilakukan oleh pengendali kenderaan supaya berjalan cergas. Hukumnya harus berdasarkan riwayat bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai seorang budak yang diberi nama Anjasyah. Melalui hadis Anas disebutkan bahawa sewaktu Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dalam perjalanan jauh, seorang budak lelaki bernama Anjasyah menyanyikan nyanyian penggerak semangat supaya unta yang dikenderai berjalan cer-

Konsert Nyanyian Dari Sudut Hukum Islam



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

gas, lalu Baginda bersabda: "Perlahankan sedikit wahai Anjasyah. Yang engkau bawa ini terdapat kaum perempuan."

Menurut riwayat Al-Bukhari yang bernama Anjasyah ini memiliki suara yang merdu.

Al-Bukhari juga mengeluarkan dari hadis Salamah bin Al-Akwa', katanya: "Kami keluar bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke Khaibar. Kami pun berjalan malam maka berkata seorang lelaki daripada ahli rombongan kepada Amir bin Al-Akwa': "Wahai Amir, tidakkah engkau sudi untuk memperdengarkan dendangan lagumu kepada kami?"

(Kata rawi): "Amir adalah seorang penyair."

Maka Amir pun mulalah memandu sambil menyanyi. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya: "Siapaakah pemandu ini?" Mereka menjawab: "Amir bin Al-Akwa'." Lalu Baginda bersabda: "Semoga Allah memberi rahmat kepadanya."

D. NYANYIAN SEMASA BEKERJA:

Harus menyanyi berupa nyanyian atau syair atau umpamanya dengan senikata

yang tidak terkeluar daripada kaedah dan adab-adab Islam, berdasarkan riwayat Al-Bukhari melalui hadis Anas Radiallahuanhu, bahawa orang-orang Muhajirin dan Anshar menggali parit di sekitar Madinah dan mengangkat tanah di bahu mereka sambil menyanyi:

"Kami adalah orang-orang yang berjanji setia kepada Muhammad."

Untuk berada dalam Islam selama mana kami masih hidup."

Dalam satu riwayat, rangkap ini dibawakan semasa berjihad dan Nabi Sallallahu

Alaihi Wasallam menjawab mereka, sabdanya:

"Ya Allah! Tiada ada kebaikan melainkan kebaikan di akhirat."

Maka mohon berkati orang-orang Anshar dan Muhajirin."

Oleh yang demikian, orang-orang Islam janganlah mudah mengikut dan terpengaruh dengan orang-orang yang mengharuskan alat-alat muzik sekalipun mereka itu orang-orang terkenal lagi bijak.

Umat Islam hendaklah waspada, sedikit tergelincir dari jalan agama, bermakna

kita menentang ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi petunjuk-petunjuk yang digariskan oleh Al-Quran, hadis-hadis serta didukung oleh imam-imam al-salaf al-shalih dan lain-lain ulama pengikut mereka.

Orang-orang yang menentang ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan yang mendustakan hadis-hadis yang warid daripada Baginda dengan jelas telah diberikan amaran oleh Allah Subhanahu Wataala dalam firman-Nya yang tafsirnya:

"Dan sesiapa jua yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran petunjuk (yang dibawa oleh Baginda) dan (tetap) dia mengikut juga jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami (Allah) akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya itu, dan (pada Hari Akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam Neraka Jahannam dan Neraka Jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali." (Surah Al-Nisa': 115)

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah كلوان قوسه دعوه اسلاميه

SEMBAHYANG fardu merupakan rukun Islam yang kedua dan diwajibkan kepada setiap umat Islam yang cukup syarat-syaratnya. Dengan bersembahyang boleh mencegah daripada keburukan dan kemungkaran. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ankabut ayat 45 yang bermaksud: "Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar."

Islam sangat-sangat menggalakkan setiap umatnya memelihara kewajipan sembahyang fardu lebih-lebih lagi sembahyang Subuh dan sembahyang Asar. Di waktu-waktu inilah selalunya kita lalai kerana pada waktu Subuh kita rasa terlalu berat untuk bangun daripada tidur, manakala pada waktu petang biasanya adalah masa untuk berehat. Oleh kerana itulah kedua-dua sembahyang ini ada kelebihan, barang siapa yang tekun dan sabar menunaikan kedua-dua sembahyang ini banyak kebaikan dan ganjaran yang akan diperolehi di akhirat kelak.

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari dan Muslim dari Abu Musa Radiallahuanhu bahawa Rasulullah

Kelebihan sembahyang fardu Subuh dan Asar

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang menunaikan sembahyang Subuh dan Asar, nescaya masuk Syurga." Hadis tersebut menerangkan kepada kita bahawa orang yang dapat menunaikan sembahyang Subuh dan Asar dengan sempurna dijamin oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam masuk Syurga, kerana kedua-dua waktu itu terlalu penting dan sibuk dengan pelbagai urusan.

Bagi orang yang pandai menjaga masa, pasti akan dapat menunaikan kedua-dua sembahyang ini dan mereka pasti akan beroleh keuntungan di dunia dan di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ashr ayat 1-3 yang bermaksud: "Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."

Orang yang sengaja melalaikan perintah Allah tanpa ada keuzuran yang membolehkan ia meninggalkan, dihukum sebagai orang yang fasiq. Allah Subhanahu Wataala sangat cinta kepada setiap orang Islam yang bertakwa, orang yang beriman dan beramal salih akan mendapat ganjaran pahala yang istimewa di akhirat kelak dan mereka akan dapat melihat Allah Subhanahu Wataala tanpa ada halangan. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam

Bukhari dan Muslim dari Jarir bin Abdullah Al-Bajaliy Radiallahuanhu katanya, "Kami semua ada bersama-sama Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, ketika itu Baginda melihat bulan yang penuh (pada empat belas hari bulan Hijrah)," kemudian Baginda bersabda, "Kamu semua akan dapat melihat Tuhanmu, sebagaimana kamu semua melihat bulan itu, kamu semua tidak berasa kesukaran dan kepayahan untuk melihat-Nya. Sekiranya kamu semua tidak berasa kesukaran dan kepayahan untuk menunaikan sembahyang sebelum terbitnya matahari (Subuh) dan juga sembahyang sebelum terbenamnya matahari (Asar), oleh itu hendaklah kamu semua tunaikan dengan bersungguh-sungguh."

Dalam hadis lain yang menunjukkan bahawa rosak segala amal jika meninggalkan sembahyang fardu Asar, diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari dari Burruaidah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang meninggalkan sembahyang Asar, maka rosaklah segala amal kebajikannya."

Oleh yang demikian hendaklah kita sama-sama memelihara sembahyang fardu dan mesti kita lakukan walau dengan apa cara sekalipun. Semoga segala amalan-amalan yang kita lakukan itu akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala.

HSBC dan Herald Enterprise kelola persembahan Kumpulan Akrobatik Shandong

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Jun. - Perbadanan Bank Hongkong dan Shanghai (HSBC) telah menandatangani perjanjian selaku rakan strategik dengan Herald Enterprise, pengelola persembahan Kumpulan Akrobatik Shandong (Shandong Acrobatic Troupe) yang akan diadakan pada pertengahan Ogos depan.

Perjanjian antara kedua-dua belah pihak yang berlangsung di Ibu Pejabat HSBC di sini, ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Warner Manning bagi pihak HSBC, manakala Herald Enterprise pula diwakili oleh Pengarahnya, Awang Shamsul Bahrin bin Dato Dr. Haji Ahmad. Perjanjian itu juga disaksikan oleh Pengurus Perhubungan Kerajaan dan Hal Ehwal Pengguna HSBC, Awang Haji Abdul Aziz

Oleh Karim HAB

Kassim dan Pengarah Urusan Herald Enterprise, Awang Lim Chai Hock.

Di bawah perjanjian itu, HSBC akan menaja persembahan dan sebagai timbal balas pula HSBC akan mempunyai hak eksklusif bagi sejumlah tiket untuk pertunjukan pertama.

Menurut siaran akhbar HSBC, pertunjukan pertama akan diadakan pada 16 Ogos depan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hasanah Bolkliah Berakas yang diberi nama Shandong Acrobatic Troupe - A Night of Spectacular Wonders.



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili menerima sumbangan cek \$200,000.00 daripada Pemangku Pengarah Hal Ehwal Korporat Brunei Shell, Awang Haji Mohd. Zaini bin Haji Omar. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



KETUA Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Warner Manning bagi pihak HSBC (kanan) dan Pengarah Herald Enterprise, Awang Shamsul Bahrin bin Dato Dr. Haji Ahmad bersalaman sejeurus selepas menandatangani perjanjian. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Brunei Shell sumbang \$200 ribu jayakan Ekspo Islam Antarabangsa

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Jun. - Ekspo Islam Antarabangsa akan berlangsung pada 18 hingga 31 Ogos di Kompleks Jabatan Mufti Kerajaan, Jalan Babu Raja di sini.

Ekspo tersebut akan dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Pameran Warisan Islam, Pameran Perdagangan dan Seminar dan Forum Antarabangsa.

Ke arah kelancaran pengendalian ekspo tersebut, Syarikat Brunei Shell Petroleum telah menyumbangkan \$200,000.00. Sumbangan berupa cek itu disampaikan oleh Pemangku Pengarah

Oleh Haji Ahmad HS

Hal Ehwal Korporat Brunei Shell, Awang Haji Mohd. Zaini bin Haji Omar kepada Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili.

Penyampaian sumbangan tersebut disaksikan oleh Pengarah Pentadbiran jabatan berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Ahmad Bukhari dan pegawai-pegawai dari Brunei Shell.

Bidang klinikal diberi perhatian khusus

GADONG, 19 Jun. - Dalam Era kemajuan sains perubatan, bidang klinikal diberi perhatian khusus kerana bidang inilah yang mencorak dan mencipta gaya tenaga jururawat ke arah yang terdidik yang akan menghadapi pelbagai kerenah pelanggan yang memerlukan rawatan yang berbeza.

Bagaimanapun Pengarah Peperiksaan Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Mastoli binti Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail berkata, semua itu hanya akan dapat dihadapi dengan efisien dan berkesan dengan adanya kualiti khidmat klinikal yang profesional dan bermutu tinggi.

"Di samping itu jururawat perlu mengamalkan perkhidmatan berkualiti setiap masa bagi memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan dan sistem penjagaan kesihatan negara yang memfokuskan kepada kepentingan pelanggan dan juga jururawat perlu bersikap sabar dan matang bagi mengelakkan rungutan dan ketidakpuasan individu yang dirawat.

Nilai budaya kerja yang berteraskan ciri penyayang, kerja berpasukan dan profesional seharusnya menjadi pegangan dan keutamaan pada bila-

Oleh Siti Muslihat HS

bila masa ketika melaksanakan tugas," tegasnya.

Berucap dalam Bengkel Mengenai Pengajaran Klinikal Yang Berkesan selama sehari di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkliah di sini, Pengiran Hajah Mastoli juga percaya nilai budaya kerja yang berteraskan ciri penyayang, kerja berpasukan dan profesional seharusnya menjadi pegangan dan keutamaan pada bila-bila masa ketika melaksanakan tugas.

Menyentuh mengenai kemahiran pelajaran klinikal ini, tetamu kehormat menambah, kemahiran praktikal dalam kejururawatan memerlukan arahan dan petunjuk daripada pengajar klinikal dan ianya memainkan peranan yang begitu penting dalam menjadikan atau melahirkan seorang jururawat yang berpengetahuan, berkemahiran dan berkualiti dalam memberi khidmat rawatan pesakit-pesakit.

Dalam hubungan ini, Pengiran Hajah Mastoli berpendapat bengkel ini amat berkesan di mana ianya dapat

menambah ilmu pengetahuan dan profesionalisme yang sudah ada pada para peserta.

"Sumbangan bengkel ini dirasakan akan memberi ilmu pengetahuan yang baru, kemahiran yang lebih kreatif dan sudah tentunya dapat memperkemas dan memperluaskan pengajaran klinikal yang lebih efisien dan efektif.

Dengan pendedahan pelbagai teknik dan strategi pengajaran klinikal rasanya akan dapat mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman yang sangat diperlukan oleh tenaga pengajar, pentadbir klinikal paramedik mahupun yang merupakan kemahiran, kebolehan, kepakaran dan sebagainya," jelas beliau seterusnya.

Bengkel selama tiga hari ini

dihadiri oleh lebih 40 orang peserta terdiri daripada pengajar klinikal dari Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Hospital Panaga dan Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkliah.

Semasa bengkel, para peserta mendengar ceramah dan tunjuk ajar daripada seorang penceramah dari Maktab Perubatan Cardiff, United Kingdom.

Adalah diharapkan melalui bengkel itu para peserta akan memperolehi pengetahuan yang mendalam mengenai aspek pengajaran semasa berada di klinik, di samping memperolehi kepakaran di dalam memberikan bimbingan serta tunjuk ajar semasa mengajarkan setiap prosedur proses pemberian rawatan.



PENGARAH Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Mastoli binti Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail ketika berucap di Bengkel Mengenai Pengajaran Klinikal Yang Berkesan. Majlis berlangsung di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkliah. - Gambar oleh Masri Osman.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

Semua pihak memikul tanggungjawab

HAMPIR di seluruh dunia menghadapi masalah menjaga keselamatan harta benda awam, walaupun tidak begitu kronik seperti menjaga keselamatan negara, namun perhatian terhadapnya harus diberikan. Ia juga menentukan hala tuju kemajuan dan perkembangan masyarakat sesebuah negara.

Di negara kita, sifat merosakkan harta benda awam sudah mulai memular contohnya merosakkan telefon awam, merosakkan lampu jalan, memecahkan dan merosakkan lampu isyarat, merosakkan jeti atau jambatan dan lain-lain. Semua itu walaupun nampak kecil, tapi akibatnya sangat besar kepada pengguna yang memerlukan.

Menjaga dan memelihara harta benda adalah dituntut dalam agama, jadi semua orang kena prihatin dan memahami tanggungjawab masing-masing. Apa pun alasan kita kena menjaga harta benda awam sebagaimana kita menjaga harta sendiri.

Sifat setengah masyarakat yang tidak bertanggungjawab mengabaikan keselamatan harta awam amatlah dikesali. Mereka ini harus diberi kesedaran untuk sama-sama bertanggungjawab memelihara dan menjaganya. Kesedaran tersebut harus ditanam dalam diri sendiri, pendidikan agama yang mementing sifat kasih sayang dan tidak camah mata menegur dan memberi nasihat kepada yang suka merosakkan harta benda awam.

Kita harus meningkatkan kempen kesedaran dan sifat bertanggungjawab dalam memelihara harta benda awam. Peranan ibu bapa mendidik anak-anak mereka bersifat sopan santun, bersifat lutan, bersifat bertanggungjawab dan juga mempunyai kesedaran sivik yang tinggi. Ibu bapa harus menunjukkan contoh yang baik dalam rumah tangga. Mereka harus memastikan anak-anak mereka tidak terlibat bergaul dengan golongan perosak harta benda awam.

Pihak sekolah harus selalu mengadakan siri penerangan melalui bimbingan kaunseling dan kesedaran bermasyarakat yang prihatin mengenai keselamatan harta benda awam. Kita harus menerangkan dan menekankan betapa kebisian dan keindahan menjaga harta benda awam harus dipepak.

Kita harus mengingatkan kepada masyarakat betapa penting harta benda awam seperti telefon awam umpamanya, jika kita mendapat kemalangan, maka ianya amat berguna, tetapi jika sudah dirosakkan maka ia akan merugikan kita dan juga berkemungkinan orang yang mendapat kecelakaan itu tidak dapat hidup atau bertambah parah. Harus diingat, dengan memeliharanya kita telah menyelamatkan beberapa nyawa manusia, keindahan dapat dipelihara di samping itu dapat menarik pelancongan.

Tidak rugi kita menjaga harta benda awam, kita dapat menyelamatkan harta ke-

rajaan, harta kita juga.

Harus diingat bahawa perbelanjaan untuk memperbaiki, menjaga dan membaiki pulih amatlah besar, bayangkanlah jika perbelanjaan tersebut diagihkan atau dibelanjakan untuk pembangunan insaniah, pembangunan negara atau membela mereka yang tidak bernasib baik.

Satu pengorbanan yang kita lakukan dengan berkelakuan baik dan memelihara harta benda awam boleh mengembangkan kemajuan negara, keharmonian rumah tangga dan inilah antara cara kita menjadi masyarakat madani. Masyarakat yang menjadi contoh kepada generasi muda yang bakal mewarisi bangsa dan negara.

Dari segi ekonomi, negara dapat menjimatkan wang negara, negara akan jadi cantik dan indah, keindahan negara kita akan menjadi tarikan pelancong untuk datang melancong, seterusnya meredakan peranan yang aktif dalam menyebarkan maklumat mengenai keburukan dan kebaikan menjaga harta benda awam. Kesedaran atau kempen penderiaan itu mestilah berterusan dan menyeluruh.

Oleh itu, implikasi daripada perbuatan merosakkan harta benda awam bukan sedikit walaupun yang rosak itu mungkin nilainya rendah, tapi akibatnya terlah besar. Jadi media massa harus memainkan peranan yang aktif dalam menyebarkan maklumat mengenai keburukan dan kebaikan menjaga harta benda awam. Kesedaran atau kempen penderiaan itu mestilah berterusan dan menyeluruh.

Semua golongan harus terlibat dalam usaha yang murni ini, jangan hanya melepaskan tugas ini kepada pihak kerajaan saja. Jika boleh pihak sekolah harus menyelitkan mata pelajaran sivik dan kesedaran memelihara harta benda awam.

Oleh itu kerjasama untuk menjaga harta benda awam adalah penting bagi kebaikan dan kemajuan kita semua. Rakyat beresap santun negara aman makmur. Jangan tanya apa sumbangan negara kepada awda, beri sumbangan awda demi untuk kebaikan negara dengan menjaga harta benda awam.

Ahmad Amri Amin bin Haji Kasim,
No. 13A, Simpang 236, Kampong Siarutai,
Jalan Bengkurung Masin BF 2120.
No. k/p: 304382.

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Bersama Rakyat - Eratkan Institusi Raja dan Rakyat'. Tarikh tutup 7 Julai, 2001.
2. 'Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Wujudkan Perpaduan dan Kerjasama'. Tarikh tutup 14 Julai, 2001.
2. 'E-Pelajaran - Kemudahan Terkini dan Pemangkin Budaya Belajar'. Tarikh tutup 21 Julai, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

**PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari
tajuk yang telah kami kemukakan iaitu
'Menjaga Harta Benda Awam
Tanggungjawab Bersama'.
Mereka akan menerima hadiah sebanyak
\$40.00. Pendapat yang berjaya itu
adalah seperti berikut:**

Jaga seperti harta benda sendiri

APABILA kita memperkatakan mengenai 'tanggungjawab', ia melibatkan satu sifat yang harus dimiliki oleh setiap orang khususnya bagi masyarakat Brunei dalam melaksanakan sebarang pekerjaan. Sifat tanggungjawab menjaga harta benda awam merupakan salah satu sikap yang sewajarnya kita laksanakan atau sumbangkan sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Harta benda awam yang dimaksudkan meliputi segala kemudahan-kemudahan seperti pondok telefon awam, tandas awam, pondok perhentian bas dan sebagainya. Kita harus bersyukur kerana kerajaan begitu prihatin mengenai keperluan rakyatnya dengan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menyediakan segala kemudahan-kemudahan awam di setiap daerah. Sebagai pengguna, kita hendaklah menggunakan dengan sebaik-baiknya serta mempunyai perasaan bertanggungjawab dalam sama-sama menjaga segala harta benda awam yang telah disediakan oleh pihak berkuasa. Dengan erti kata lain, kerajaan menyediakan kemudahan awam untuk keperluan rakyat, manakala sumbangan yang wajar kita berikan sebagai timbal balik iaitu 'tanggungjawab' menjaga dengan baik bagi kegunaan semua.

Sifat sebegini adalah sama seperti menjaga harta kita sendiri yang meliputi keluarga, benda-benda kesayangan dan sebagainya.

Namun, apa yang paling menyedihkan ialah ada di kalangan kita tidak mempunyai sifat bertanggungjawab malah merosakkan dengan sewenang-wenangnya. Ini menyebabkan harta benda awam telah menjadi mangsa gejala penyakit pemugut. Gejala penyakit pemugut ini lebih dikenali bagi orang-orang yang suka merosakkan harta benda tanpa memikirkan hak milik siapa. Sebagai contoh, kita mungkin pernah menemui kerosakan tali telefon di pondok awam dan bangku di pondok perhentian bas. Selain itu, mereka ini juga menconteng, melorek dan memilis perkataan-perkataan lucu pada dinding-dinding bangunan atau kerusi dan meja. Perlakuan seperti ini bukan hanya ditensi di tempat-tempat awam, malah juga di sekolah-sekolah. Mereka yang melakukan perbuatan ini kerana sesetengahnya hendak memperlihatkan akan kebebasan dan keberanian mereka, melepaskan geram dan kemarahan terhadap seseorang dan sebagainya.

Keadan seperti ini tidak harus dibiarkan begitu sahaja kerana ditakuti harta benda awam akan terus menjadi mangsa pemugut, walaupun situasi masalah gejala ini di negara kita belum ke tahap kritikal sepertimana di negara-negara lain. Secara tidak langsung, keadaan ini boleh menjadikan suasana alam sekeliling negara kita kelihatan tidak menarik langsung, dan indah dipandang mata. Kita harus mengetahui bahawa negara kita telah mengadakan 'Tabung Melawat Brunei 2001' yang pastinya ramai pelancong dari negeri datang ke negara kita mengunjungi di tempat-tempat yang menarik sambil melihat kecantikan dan keindahan, di samping menikmati kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Jadi, cuba kita bayangkan bagaimana tanggapan para pelancong nanti apabila mereka melihat kerosakan, contentan-contentan pada harta benda awam di negara kita. Kerajaan, negara dan juga kita sebagai penduduk dan rakyat setentunya merasa malu atas perbuatan orang yang tidak bertanggungjawab dan tidak tahu menghargai atau menjaga kemudahan-kemudahan awam yang menjadi kegunaan orang ramai. Ini berkemungkinan boleh menjatuhkan nama baik negara kita sendiri.

Dengan yang demikian, semua pihak disera untuk memberikan komitmen supaya bertanggungjawab untuk menjaga harta benda awam yang telah disediakan oleh kerajaan bagi kesenangan dan kegunaan bersama. Oleh itu, semua pihak harus tahu melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi sama-sama menjaga harta benda awam. Misalnya, orang ramai diharuskan supaya melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya melihat sesuatu yang merosakkan harta benda awam. Cara lain iaitu dengan memberi teguran dan nasihat kepada si pelaku dengan cara baik. Namun sebaliknya, ada sesetengah orang ramai hanya membiarkan dan melihat sahaja kejadian yang berlaku di hadapan mata mereka serta mendiamkan diri tanpa melaporkan kepada pihak berkuasa. Mereka beralasan bahawa harta benda itu bukan kepunyaan mereka tambahan pula, tidak mahu membahayakan diri mereka dengan hal orang lain. Sikap seperti ini tidak bertanggungjawab langsung dan tidak seharusnya ada pada diri setiap masyarakat Brunei.

Pihak sekolah pula terutama guru disiplin hendaklah mengawasi dan memerhati anak-anak sekolah yang melakukan perkara ini, serta mengambil tindakan sewajarnya supaya mereka tidak akan mengamalkan perbuatan ini di masa akan datang.

Secara kesimpulannya, kita sebagai rakyat Brunei seharusnya menanam sifat bertanggungjawab terhadap harta benda awam dengan menjaga dan menggunakan dengan baik. Kita tidak perlu merasa rugi dan berbaloi menjatuhkan tanggungjawab kita untuk sama-sama menjaga harta benda awam di negara kita, kerana ia merupakan suatu pekerjaan yang memberi manfaat dan melatih diri kita untuk memiliki tanggungjawab yang lebih berat di kemudian hari. Apa yang paling penting ialah kita mesti tahu menghargai dan menjaga sesuatu yang telah diberikan kepada kita. Akhir sekali, melaksanakan tanggungjawab merupakan suatu kerja membina kebaikan dan mendapat ganjaran yang besar daripada-Nya tanpa kita sedari.

Awang Tahir bin Haji Awang Aji,
No. 47, Simpang 49, Kampong Bunut, Jalan Haji Halos,
Jalan Tutong, BF 1320
No. k/p: 263932.

Hargai kemudahan yang disediakan kerajaan

SEMUA pihak bertanggungjawab untuk sama-sama menjaga harta benda awam yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Kerajaan telah banyak mengeluarkan berjuta-juta ringgit membina kemudahan-kemudahan awam bagi kesejahteraan dan keamanan kepada kita rakyat Brunei. Jika sekiranya hanya satu pihak sahaja yang menjaganya walhal pihak yang lain tidak mengendahkan atau menghiraukan, maka untuk menjaga harta benda awam dengan baik tidak akan tercapai. Kita seharusnya mewujudkan satu gabungan yang mantap bagi sama-sama menjaga harta benda awam bagi tujuan kemudahan bersama, 'bak kata pepatah bersatu kita teguh bercerai kita roboh, yang berat sama dipikul yang ringan dipinjing sama.'

Tidak dapat dinafikan, di Negara Brunei Darussalam tidak terlepas daripada gejala pemugut. Walaupun gejala pemugut ini tidaklah begitu kronik seperti gejala penyalahgunaan dadah, namun kita seharusnya ingat dan waspada kerana gejala pemugut akan menjadi kronik jika sekiranya kita tidak menghiraukannya. Walaupun orang-orang yang terlibat dalam gejala pemugut tidak ada dibuat statistik keramatannya, namun kenyataan yang wujud dari mangsa pemugut dapat kita lihat melalui pengalaman yang kita alami sendiri.

Kita selalunya mengalami kehabisan apabila kita sendiri yang hendak menggunakan kemudahan-kemudahan awam yang dibuat telah mengalami kerosakan yang sangat mengaibkan. Sebagai contoh pondok-pondok telefon yang menjadi kemudahan perhubungan tidak dapat digunakan kerana kerosakan berlaku seperti tiada gagang telefon, punat untuk menekan hilang dan seumpamanya. Begitu juga dengan tandas-tandas awam tidak berfungsi, di samping kekotoran yang wujud telah membuatkan kita rasa muak untuk menggunakannya. Selain itu sering kita lihat contentan-contentan yang tidak menyenangkan bagi orang membaca. Perhentian-perhentian bas juga mengalami mangsa perbuatan pemugut seperti kerosakan tempat duduk dan juga lorekan-lorekan yang menjadikan suasana di tempat perhentian kurang elok untuk kita pandang. Banyak lagi kemudahan-kemudahan awam yang telah menjadi mangsa pemugut seperti tempat-tempat peranginan, lampu-lampu di tepi jalan, pagar-pagar dan seumpamanya.

Gejala pemugut ini merupakan satu penyakit yang sepatutnya kita hindarkan bagi menjaga keamanan dan kesejahteraan negara kita. Dari sini ibu bapa adalah sangat diperlukan bagi mendidik mentaliti mereka supaya sayangkan harta benda milik mereka dan seterusnya menjaganya dengan baik. Ini akan mendorong mereka

menwujudkan sikap yang baik.

Pihak sekolah juga perlu untuk mendidik dan mengawal mereka daripada menjadi pemugut dengan memberikan nasihat supaya menjaga harta benda yang terdapat di sekolah. Dengan ini mental mereka akan berkembang dan dapat berfikir dengan baik bagi seterusnya menjaga harta benda mereka. Guru-guru sewajarnya memantau kegiatan-kegiatan murid-murid.

Pihak media massa amatlah diperlukan bagi menyedarkan masyarakat dengan memperlihatkan satu adegan atau cerita pendek mengenai keburukan pemugut melalui siaran televisyen. Begitu juga dengan siaran radio, supaya akan membekalkan satu ruangan pendapat mengenai gejala pemugut dan seumpamanya. Selain itu akan mengadakan sesi temu ramah dengan pihak-pihak yang tertentu dalam kerajaan.

Masyarakat juga perlu bekerjasama bagi menghalang perbuatan pemugut jika sekiranya teramat ada orang yang sedang merosakkan harta benda awam dengan menegur dan memberi nasihat kepada mereka. Jangan sekali membiarkan atau mengindahkan jika sekiranya teramat mereka melakukan kerosakan. Ini akan menimbulkan dalam pemikiran pemugut akan terus melakukan berkali-kali kerana baginya tidak ada orang yang akan berani menegurnya.

Kita selalunya menanam sifat supaya tidak mementingkan diri sendiri bagi sama-sama menggunakan kemudahan awam yang telah disediakan. Selain itu kita selalunya memikirkan bukan sahaja untuk kemudahan kita sendiri malah bagi kemudahan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita. Jika kemudahan-kemudahan awam dapat digunakan dalam keadaan baik maka dengan sendirinya pelancong-pelancong yang datang akan memuji mengenai kebersihan dan secara tidak langsung akan dapat menarik pelancong datang ke Negara Brunei Darussalam.

Maka dari itu kita sepatutnya menghargai hasil usaha pihak kerajaan dalam membangun negara dengan memberikan peluang kemudahan dengan bertanggungjawab sepenuhnya dipikul oleh rakyat bagi sama-sama menjaga dan seterusnya menggunakan harta benda awam dengan lebih cermat dan tenat.

Awangk Zulfadhli bin Pengiran Tuah,
No. 89, Jalan Ban 5, Kampong Muluat, BG 2121.
No. k/p: 307791



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Salam menyampaikan piala kepada peserta terbaik keseluruhan kategori di Sayembara Mendeklamasikan Puisi Islam Peringkat Akhir, Awang Haji Matarsat bin Jamil. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.



PESERTA terbaik keseluruhan kategori, Awang Haji Matarsat bin Jamil (kanan) dan Kumpulan Al-Ikhlas merupakan terbaik bagi keseluruhan kategori berkumpulan bergambar bersama piala kemenangan masing-masing. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Puisi atau sajak genre sastera yang sangat popular

SERIA, 23 Jun. - Timbalan Pengetua (Pentadbiran) Maktab Anthony Abell, Cikgu Mohamad bin Rajab berkata, bidang puisi atau sajak merupakan genre sastera yang sangat popular sebagai wadah untuk mencurahkan perasaan, mencekaskan minda dan meniupkan nasionalisme.

Katanya, curahan perasaan dan ucapan semangat biasanya akan menggamit rasa dan pacuan minda akan lebih deras

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

sampai ke sasaran apabila puisi dideklamasikan di depan khalayak ramai oleh deklamator yang bersikap profesional dan boleh menimbulkan kesan dramatik dan menggetarkan, menyebabkan penonton akan terikat dan terpuak.

Beliau selaku Pengerusi Majlis berkata, setiap klausa kata yang tersurat dan tersirat dalam sesebuah sajak akan mulai berdenyut, bernafas segar dan bernyawa (hidup) di dalam tubuh manusia jika sajak tersebut memuji-muji kebesaran Allah Subhanahu Wataala, Rasul dan mengajak manusia ke jalan yang benar.

Cikgu Mohamad berucap demikian di Majlis Sayembara Mendeklamasikan Puisi Islam Peringkat Akhir sempena Sambutan Maulidur Rasul bagi Daerah Belait yang diadakan di Dewan Maktab Anthony Abell.

Beliau seterusnya menyatakan, semua sajak yang dipilih bagi sayembara tersebut dari peringkat saringan hingga akhir merupakan sajak-sajak bertemakan keagamaan, karya para penyair tanah air yang mapan.

Sebanyak 38 peserta mengikuti sayembara tersebut yang dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori A, bagi orang awam dan dewasa; kategori B, pelajar sekolah-sekolah

menengah kerajaan dan bukan kerajaan dan kategori C, berkumpulan yang diberigakan pada bulan Mei dan penyertaannya ditutup pada 2 Jun lalu. Pemilihan awal telah diadakan pada 9 Jun lalu bagi memilih lima peserta setiap kategori ke peringkat akhir.

Juara bagi kategori A, Awang Haji Matarsat bin Jamil; naib johan, Awang Wahyuddin bin Haji Ismail dan tempat ketiga, Pengiran Hajah Khazizah binti Pengiran Haji Ahmad.

Manakala kategori B, johan, Dayang Yusnani binti Zolkifli; naib johan, Dayang Reenawati binti Dollah dan tempat ketiga, Dayang Norhayati binti Zailani; sementara johan kategori C, Kumpulan Al-Ikhlas; naib johan Kumpulan PJN dan tempat ketiga, Puteri Cempaka.

Peserta terbaik bagi keseluruhan kategori ialah Awang Haji Matarsat bin Jamil, manakala Kumpulan Al-Ikhlas merupakan terbaik bagi keseluruhan kategori berkumpulan.

Tetamu kehormat, Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Salam menyampaikan hadiah kepada para pemenang dan peserta yang mengambil bahagian.

Sayembara tersebut diadakan bagi menyemarakkan Sambutan Maulidur Rasul melalui puisi Islam di samping mengukuhkan semangat cintakan agama, bangsa dan tanah air.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 13 Jun, 2001.

1. A 2. A 3. A.

PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 13 JUN, 2001.

ABDUL HAQQUL MUBIN BIN ABU BAKAR,
NO.28, SIMPANG 159, JALAN 3,
KAMPONG PERPINDAHAN
LAMBAK KANAN BC 2715,
UMUR : 7 TAHUN
SEKOLAH RENDAH TANAH JAMBU.

NORHIKMAH BINTI HAJI KACHI,
NO. 312, SIMPANG 316, JALAN PANTAI
JERUDONG,
KAMPONG JERUDONG BG 3122
UMUR : 10 TAHUN
SEKOLAH RENDAH JERUDONG.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 482

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 482,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

1. Di manakah Majlis Perjumpaan Muhibah Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampong Kiudang/Mungkom diadakan pada 30 September, 2000?

- a). Bangunan Jabatan Penerangan.
- b). Bangunan Jabatan Audit.
- c). Bangunan Jabatan Daerah Brunei dan Muara

2. Apakah tajuk Suara Dari Mimbar yang dikeluarkan dalam PELITA BRUNEI pada 11 Oktober, 2000?

3. Siapakah Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-7 yang berlangsung pada 4 Oktober, 2000?



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin merangkap Pengerusi Tertinggi Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 ketika mengadakan Mesyuarat Bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Perayaan bagi Daerah Belait yang diadakan di Dewan Raya Pejabat Daerah Belait (kanan). Sementara gambar kiri, sebuah pintu gerbang dibina di kawasan strategik di Daerah Belait sempena menyambut ulang tahun Hari Keputeraan baginda. - Gambar ihsan Miri Daily News.

KUALA BELAIT, 18 Jun. - Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun bagi Daerah Belait mengadakan mesyuarat bagi meneliti persiapan mutakhir dan mengemaskinikan persembahan semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Daerah Belait yang dijangka berlangsung pada 21 Julai di Padang Bandaran.

Hadir di mesyuarat tersebut, Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin merangkap Pengerusi Tertinggi Kebangsaan sempena sambutan perayaan. Mesyuarat diadakan di Dewan Raya Pejabat Daerah Belait.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail bertujuan bagi mendengar laporan-laporan daripada jawatankuasa perayaan mengenai kerja-kerja yang telah, sedang dan akan mereka lakukan.

Semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia nanti, beberapa acara akan dipersembahkan antaranya persembahan padang bertajuk 'Sejambak Kasih Sekalung Doa' yang dijangka menarik perhatian merupakan hasil karya bekas Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani (Ibnu Abdul Rahim).

Sekitar lebih 900 peserta berbilang bangsa dan kaum di daerah itu terutama gabungan tenaga pelajar-pelajar sekolah, belia dan para belia serta penduduk Daerah Belait terlibat dalam persembahan yang dijangka mengambil masa 30 minit bagi menlahirkan kasih sayang mereka sebagai tanda kesyukuran rakyat sempena

Persembahan Padang 'Sejambak Kasih Sekalung Doa' mengalu-alukan keberangkatan Kebawah DYMM

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-55 tahun.

Persembahan tersebut juga menggambarkan kemasyhuran Negara Brunei Darussalam seperti kekayaan, keislaman, kesukanan Asia Tenggara, persidangan antarabangsa APEC dan lain-lain yang digambarkan melalui gerak lakonan, adunan tarian, silat, lagu dan kepelbagaian pakaian peserta yang berwarna-warni yang berlatarbelakangkan bacaan puisi yang di-

ampaikan oleh Dayang Hajah Julia Chee yang mencerminkan kesatuan, kesepakatan, permufakatan, kesepaduan dan hubungan yang erat lagi mesra yang terjalin dalam suasana yang harmoni dan sejahtera.

Sebuah koir bertajuk 'Belait Gemilang' yang juga dihasilkan oleh bekas Pegawai Daerah itu dijangka akan dipersembahkan. Berikutan dengan itu latihan padang bermula 2 Julai selama lapan hari sementara latihan

penyah bermula 17 Julai selama tiga hari.

Selain persembahan padang, juga diadakan pameran bertema mempromosi mercu tanda Daerah Belait sempena Tahun Melawat Brunei 2001 yang dihasilkan oleh gabungan jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta dan Maktub Kejuteraan Jefri Bolkiah dengan memamerkan destinasi yang menarik menjadi kebanggaan Daerah Belait yang diolah dalam bentuk replika antaranya replika Wong Kadir, Rumah Budaya Puak Belait, Arca Kiri

Pusing Keliling Jalan Singa Manteri, model perkampungan minyak dan gas dan model Menara Cendera Kenangan.

Di samping replika-replika tersebut juga dipamerkan landskap yang menggambarkan flora dan fauna yang unik di daerah itu, di samping dipaparkan peta Daerah Belait yang menonjolkan pemandangan dan persekitaran yang menarik serta bahan-bahan cetak antaranya buku bertajuk 'Guide To Belait District - Land of The Black Gold' dan risalah-risalah yang dihasilkan di daerah tersebut.

Acara kemuncak majlis pada hari keberangkatan baginda itu nanti ialah majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat.

Sementara itu pada ketika ini Daerah Belait sedang sibuk membuat persiapan menyambut ulang tahun hari keputeraan baginda antaranya membina pintu-pintu gerbang serta hiasan lampu-lampu beraneka warna di tepi-tepi jalan raya, bangunan-bangunan kerajaan, swasta, gedung-gedung perniagaan dan sekolah-sekolah.

CABARAN JORAN 2001 PROMOSI MAKANAN LAUT

SERIA, 24 Jun. - Cabaran Joran 2001 merupakan satu usaha yang boleh dijadikan sebagai pemangkin bagi mempromosikan makanan laut khususnya yang berkaitan dengan ikan, kata Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Mat Zahri bin Haji Yusof.

Katanya, sumber perikanan itu sendiri terutama peningkatan hasilnya akan dapat membantu menyumbang kepada sumber pendapatan dan perkembangan ekonomi negara selain sumber-sumber pertanian, minyak dan gas.

Selaku Penaung Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, beliau menjelaskan Cabaran Joran 2001 merupakan di antara aktiviti yang dimuatkan dalam Pesta Muhibbah Taman Jubli, Kuala Belait yang bermula pada 10 Jun lalu yang dihasratkan bagi mengisi senarai aktiviti bulan Jun bagi memeriahkan Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001.

Kejayaan pesta itu adalah hasil usaha gigih dan kerjasama yang bersepadu di kalangan ahli-ahli jawatankuasa penyelenggara aktiviti tersebut, katanya di Pesta Cabaran Joran 2001 yang diadakan di Taman Rekreasi Jubli Perak, Anduki.

Katanya lagi, menerusi pesta seumpama itu akan dapat menonjolkan taman tersebut kepada masyarakat dan orang

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

ramai serta para pelancong bahawa Daerah Belait juga tidak ketandusan tempat yang boleh dijadikan sebagai destinasi yang mempunyai ciri-ciri dan kemudahan untuk beriadah, berkhemah, berkelah dan beristirahat.

Sehubungan dengan itu beliau menyeru semua lapisan masyarakat dan orang ramai, khususnya pengguna-pengguna taman tersebut dan tempat-tempat rekreasi lain amnya agar dapat memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan yang terdapat di taman-taman berkenaan termasuk menjaga kebersihan, keselamatan harta benda dan mematuhi segala arahan papan-papan tanda.

"Sama-samalah kita menjaganya dan memastikan kesemua perkara ini dalam keadaan baik dan sempurna kerana taman ini kita semua yang punya, kita semua akan menggunakannya dan kita semua akan mendapat ganjaran kesenangan dan kebajikan bagi kepentingan kita semua," katanya berharap.

Menurutnya, jika terdapat sikap negatif terhadap taman tersebut di kalangan pengguna-pengguna, semua pihak akan menanggung kerugian dan sekali gus menggambarkan ketidaman rasa tanggungjawab

dalam memelihara kemudahan-kemudahannya.

Dari itu katanya, adalah perlu menanamkan rasa tanggungjawab dan komitmen bagi memastikan taman berkenaan dalam keadaan yang dihasratkan dan mempopularkannya bagi menarik lebih ramai pengunjung di masa akan datang.

Tetamu kehormat di pesta itu, Pengarah Perikanan, Pengiran Haji Sharifuddin bin Pengiran Haji Mohd. Yusoff telah melancarkan pesta terse-

but dengan melepaskan anak-anak ikan ke dalam sungai serta menanam seponon kelapa di kawasan tempat pelancaran diikuti oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain.

Sebelum dibawa melawat ke kawasan sekitar taman tersebut, tetamu kehormat telah menyampaikan hadiah kepada pemenang, Awang Hashim bin Abdullah yang mendapat ikan pertama di Pertandingan Memancing Ikan.



PENGARAH Perikanan, Pengiran Haji Sharifuddin bin Pengiran Haji Mohd. Yusoff melancarkan Pesta Cabaran Joran 2001 dengan melepaskan anak-anak ikan ke dalam sungai yang diadakan di Taman Rekreasi Jubli Perak, Anduki (kanan). Sementara gambar kiri, Pengarah Perikanan menyampaikan hadiah berupa hamper kepada pemenang yang mendapat ikan pertama di Pertandingan Memancing Ikan dalam Pesta Cabaran Joran 2001, Awang Hashim bin Abdullah. - Gambar-gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.





PENGARAH Keanggotaan dan Pentadbiran, Kolonel Ahmad bin Haji Yahya ketika memeriksa barisan bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah bersara dan berkhidmat semula dalam Asker Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) di Kem Asker Simpanan Melayu Diraja Brunei di Gadong. - Gambar oleh Abdullah HAD



PEMANGKU Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB), Leftenan Kolonel Haji Sharifuddin (bertopi) menyaksikan pelbagai pameran sempena Hari Keluarga ATUDB yang berlangsung di Pengkalan ATUDB, Kampong Rimba. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

ABDB masih memerlukan anggota yang bersara

Oleh Aliddin HM

GADONG, 21 Jun. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) masih memerlukan khidmat bekas anggotanya yang bersara, yang mana sejak akhir-akhir ini jumlah bekas anggota ABDB yang telah bersara dan berhasrat untuk berkhidmat semula terus meningkat.

Ini menunjukkan satu petanda bahawa kerjaya sebagai seorang tentera itu sangat menarik dan mencabar, kata Pengarah Keanggotaan dan Pentadbiran, Kolonel Ahmad bin Haji Yahya di Majlis Pembukaan Rasmi Latihan Rekrut Simpanan bagi anggota yang akan berkhidmat semula selepas menamatkan perkhidmatan lima tahun yang berlangsung di Kem Asker Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) di sini.

Mereka yang ingin berkhidmat semula sebagai ASMDB tambah beliau, dikehendaki menjalani proses pengambilan yang telah ditetapkan dan apabila mereka menjalankan tugas nanti, tidak akan menghadapi sebarang kesulitan, walaupun mereka ini sudah mempunyai kelayakan dan kemahiran tersendiri semasa bertugas sebagai anggota ABDB.

"Dengan latihan ini juga pihak tertentu dapat menguji dan membuat penilaian terhadap setiap anggota berkenaan dalam ketahanan diri dari segi rohani dan jasmani, seterusnya dapat memantapkan diri sebagai seorang anggota tentera yang

berwibawa dan berdisiplin," jelasnya.

Beliau menyeru kepada semua anggota yang akan mengikuti latihan ini supaya komited sepenuhnya dalam menjayakan latihan tersebut dan rebutlah peluang itu untuk meningkatkan pengetahuan diri mereka.

Kursus Ulang Kaji Ketenteraan Sesi 1/2001 ASMDB itu disertai oleh 12 orang bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei iaitu 10 orang lelaki dan dua orang wanita yang ingin berkhidmat semula sebagai anggota ASMDB.

Mereka akan menjalani latihan asas ketenteraan selama sebulan bermula pada 21 Jun dan berakhir pada 20 Julai depan.

ASMDB mula ditubuhkan pada tahun 1987 dan ianya berperanan sebagai pelapis kepada ABDB.

Setiap mereka dikehendaki menjalani latihan di kem tersebut tiga kali sebulan bagi menguji ketahanan diri mereka.

Pemerintah ASMDB ialah Leftenan Kolonel Haji Mohd. Said bin Haji Mohd. Saidin.

Hari Keluarga sempena 35 tahun penubuhan ATUDB

Oleh
Haji Ahmad HS

RIMBA, 24 Jun. - Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) telah mengadakan

Sambutan Hari Keluarga sempena ulang tahun penubuhan ATUDB ke-35 tahun yang berlangsung di Pengkalan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei di sini.

Sambutan Hari Keluarga dirasmikan oleh tetamu kehormat, Pemangku Pemerintah ATUDB, Leftenan Kolonel Haji Sharifuddin dengan memukul gong.


Sebanyak sembilan acara dijalankan khusus untuk orang dewasa dan kanak-kanak iaitu mencari benda, berlumba membawa telur, mencari ibu/bapa, mengisi air dalam botol, membuka tempurung kelapa, berlumba membawa bola ping pong dan memungut sampah.

Di samping itu, beberapa pameran, persembahan dan gerai-gerai jualan juga diadakan, dan yang menarik lagi ialah permainan bouncer, menaiki pesawat helikopter, menunggang kuda dan pertunjukan pesawat kawalan jauh.

ATUDB dalam tahun 1965 merupakan perkembangan awal dengan menubuhkan Perkhidmatan Doktor Terbang untuk membantu keperluan orang ramai di pedalaman dengan menggunakan dua buah helikopter jenis S55 yang dikontrak dari Kompeni World-wide Helicopter.

Kemudian Platun Helikopter ditubuhkan pada tahun 1997 dengan penambahan tiga buah helikopter 'whirlwind', di samping juruterbangnya dari RAF. Setahun kemudian dua orang pegawai terdiri daripada anak tempatan yang berada di United Kingdom melakukan tiga latihan penerbangan.

ATUDB sekarang mempunyai pangkalannya sendiri di Kampong Rimba dengan mempunyai pesawat-pesawat helikopter yang berteknologi tinggi, pesawat-pesawat tersebut diterbangkan oleh para juruterbang tempatan.



PELBAGAI permainan khusus untuk kanak-kanak menarik perhatian para pengunjung semasa Hari Keluarga ATUDB. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



BAKAL JURUTERBANG — Kanak-kanak ini mengambil kesempatan menaiki pesawat helikopter yang dipamerkan semasa sambutan itu. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Oleh Abu Bakar HAR

MADANG, 22 Jun. - Majlis Sambutan Maulidur Rasul yang diadakan sempena memperingati hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam banyak memberi pengajaran serta petunjuk dalam membina sebuah masyarakat, hasil iktibar daripada ajaran serta kisah-kisah mengenai diri Baginda.

Justeru itu, majlis yang berkebakikan itu bukan saja baik bagi diri individu tetapi juga baik dari segi sosial di mana ia mempunyai kebaikan tersendiri dalam menghidupkan cara hidup bermasyarakat.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani menjelaskan perkara tersebut di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Majlis Perundingan Kampung Madang yang berlangsung di rumah Ketua Kampung Madang, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Tambah Pegawai Daerah lagi, selain dapat mengenali penduduk kampung serta anak-anak buahnya, majlis seperti itu juga mengeratkan lagi tali silaturahmi antara satu sama yang, di samping sebagai penghubung bagi mereka yang belum kenal-mengenal.

Menyentuh hidup bermasyarakat, Dato Paduka Awang Haji Dani sekali lagi menegaskan bahawa hubungan persaudaraan adalah mustahak dalam hidup bermasyarakat, di samping dapat menanam sifat harmoni dan mesra serta bermuafakat.

Sementara sikap kerjasama dan tolong-menolong yang lahir dalam hidup masyarakat apabila berlaku suka duka, akan mewujudkan perpaduan dan kehidupan bermasyarakat serta akan menjadi sejahtera, di samping dapat melaksanakan pelbagai pembangunan.

Sementara Ketua Kampung Madang selaku pengerusi majlis, menjelaskan bahawa sambutan hari itu

Hubungan persaudaraan mustahak dalam hidup bermasyarakat



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim (dua dari kiri) ketika hadir di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Majlis Perundingan Kampung Madang yang berlangsung di rumah Ketua Kampung Madang. - Gambar oleh Amat HM.

besar kemungkinan akan dijadikan sebagai acara tahunan.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh penuntut dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolikiah, Awang Mohd. Masdi bin Rosli.

Menyerikan acara, ceramah khas bagi memperingati peristiwa Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah disampaikan oleh Awang Haji Mail bin Awang Besar, penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiyah.



KETUA Kampung Skim Perumahan Rakyat Jati Lorong 3, Setia, Orang Kaya Indera Perkasa Awang Haji Zulkifli bin Abdullah menyaksikan hasil kraf tangan pelajar yang dijual di gerai jualan di Temasya Hari Keluarga Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof (atas). - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

IBU bapa dan pelajar sekolah menyaksikan Pameran Lukisan dan Kraf Tangan yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar dan ibu bapa mereka (kiri). - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

ADAKAN PERMUZAKARAHAN BAGI JALAN PENYELESAIAN

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

SERIA, 24 Jun. - Ketua Kampung Skim Perumahan Rakyat Jati Lorong 3, Orang Kaya Indera Perkasa Awang Haji Zulkifli bin Abdullah mengingatkan para ibu bapa dan pelajar supaya mengadakan permuzakarahan bagi mencari jalan penyelesaian jika berlaku sebarang masalah.

Katanya, rujukan yang baik melalui penghulu atau ketua kampung kerana mereka merupakan mata, telinga dan lidah kerajaan. Beliau ketika berucap di Temasya Hari Keluarga Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof di sini seterusnya menyeru para ibu bapa supaya mengambil peranan penting dalam

menghakis gejala sosial di peringkat awal lagi yang melibatkan pelajar sekolah ketika ini. Jika tidak perkara sedemikian akan merebak lebih serius lagi.

Temasya kali ketiga anjuran Bahagian Ko-Kurikulum sekolah berkenaan bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturahmi dan nilai kekeluargaan di kalangan warga sekolah berkenaan, di samping memberi peluang berinteraksi, bertukar-tukar pengalaman, pengetahuan dan memupuk semangat bersosial antara guru, ibu bapa atau penjaga pelajar dan pelajar-pelajar, bersesuaian dengan matlamat sekolah itu bagi menggalakkan penyertaan ibu bapa dan masyarakat ke arah mewujudkan persekitaran pembelajaran sekolah yang positif.

Sehubungan dengan itu, pelbagai acara sukan ria melibatkan pelajar-pelajar, ibu bapa dan guru-guru diadakan. Selain itu juga diadakan Pameran Lukisan dan Kraf Tangan, Pameran Masakan, Bunga Hidup dan Kraf Tangan ibu bapa dan penjaga pelajar serta pameran dan gerai jualan.

Menurut Pemangku Guru Besar sekolah itu, Cikgu Nur Izzati binti Muhi. Halim selaku pengerusi majlis, setiap penyertaan bagi acara Pameran Masakan, Bunga Hidup dan Kraf Tangan dikenakan bayaran \$1.00, manakala gerai jualan dikenakan bayaran \$45.00 satu petak. Hasil kutipan wang tersebut bagi membeli hadiah acara-acara yang diadakan di temasya itu.

Temasya Hari Keluarga itu diserikan lagi dengan persembahan kebudayaan tarian samalindang, nyanyian ramai dan berbalas pantun daripada pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

Tanamkan semangat hormat-menghormati dan bersatu padu



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail menyampaikan ucapan di Majlis Mengalu-alukan Pertukaran beliau ke Daerah Belait oleh Dewan Perniagaan Tionghoa, Kuala Belait. - Gambar ihsan Miri Daily News.

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 18 Jun. - Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail menyeru masyarakat Cina dan persatuan-persatuan lain di Daerah Belait agar menggembleng tenaga bagi menanamkan semangat hormat-menghormati, perpaduan, kerjasama dan permuafakatan demi menuju ke arah masyarakat yang bersatu padu.

Katanya, tanpa adanya semangat tersebut, sebarang perkara tidak akan dapat dicapai. Beliau berucap di Majlis Mengalu-alukan Pertukaran beliau selaku Pegawai Daerah Belait yang dikendalikan oleh Dewan Perniagaan Tionghoa Kuala Belait dan Seria yang diadakan di dewan perniagaan tersebut.

Tambahnya, Daerah Belait mempunyai keunikannya tersendiri, antaranya mempunyai berbilang kaum, etnik dalam masyarakat yang memerlukan perangsang untuk bersepakat, bersatu padu agar daerah itu lebih cemerlang daripada daerah-daerah lain.

Beliau juga menarik perhatian masyarakat Cina yang lebih berpengalaman dalam dunia perniagaan agar dapat berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka dengan masyarakat Melayu.

Beliau yakin masyarakat Cina tidak akan kedekut dalam perkara tersebut yang memerlukan proses panjang dan tidak mudah dipelajari dalam masa yang singkat.

Sehubungan dengan itu beliau berharap agar masyarakat Cina akan dapat menganjurkan seminar atau forum bagi memberikan pengetahuan dan pengajaran kepada masyarakat Melayu yang baru berjinak-jinak dalam dunia perniagaan.

Di majlis itu Pegawai Daerah juga telah bercadang untuk mengubah suai rumah pegawai daerah yang telah lama dikosongkan dan tidak digunakan sejak lapan tahun lalu menjadi galeri rakyat yang boleh dimanfaatkan dalam aspek pelancongan dan memperingati sumbangan masyarakat berbilang kaum di daerah ini.

Sehubungan dengan itu beliau meminta masyarakat Cina akan dapat memanfaatkan sebahagian ruang di rumah tersebut bagi memamerkan sejarah, artifak, senarai orang-orang penting yang datang ke daerah ini dan kebudayaan masyarakat tersebut.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Tionghoa, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Awang Onn Siew Siong dalam ucapan alu-aluannya berkata masyarakat Tionghoa berjanji akan terus memberikan sokongan dan dukungan serta kerjasama bagi membina Daerah Belait menjadi sebuah daerah yang maju di negara ini, terutama dalam usaha untuk menjadikan suasana daerah itu sebagai daerah yang indah, bersih dan menarik serta mempunyai penduduk yang bertanggungjawab dan komited terhadap perkembangan dan kemajuan terutama dalam bidang ekonomi.

"Kami berpendapat tidak ada sesuatu yang mustahil untuk dilakukan asalkan kita terus dapat menyuburkan daya pemikiran secara perundingan yang kukuh dan padu," katanya.

Menurutnya ahli-ahli perniagaan di daerah itu sangat mendambakan agar daerah itu akan menjadi sebagai salah satu pusat membeli-belah di negara ini.

Dari itu beliau berharap agar semua pihak sama-sama menimbunkan kesedaran kepada penduduk negara ini betapa pentingnya berbelanja di negara sendiri.

"Mungkin kita akan menemui suatu rahsia bagaimana mengalih pandangan penduduk negara ini supaya menyedari pentingnya menjaga dan mengawal aliran wang keluar dari negara ini dan dalam hal ini banyak pihak harus memberikan kerjasama untuk mencari jalan yang berkesan," katanya berharap.

Dewan tersebut ditubuhkan dalam tahun 1957 dengan keramaian ahlinya 230 orang terdiri daripada peniaga-peniaga sekitar Daerah Belait, di samping ahli jawatankuasanya seramai 21 orang dan Yang Dimuliakan telah menjadi Pengerusi sejak tahun 1987 hingga kini.

Penubuhan dewan berkenaan bertujuan antara lain bagi merapatkan hubungan ahli-ahlinya di samping meningkatkan ekonomi negara.

Malam Seri Budaya PAMERKAN KESENIAN, KEBUDAYAAN PELBAGAI ETNIK, BANGSA

KUALA BELAIT, 24 Jun. - Malam Seri Budaya dihasratkan bagi menentengahkan Daerah Belait dan terus menyebarkan segala maklumat khususnya kesenian dan kebudayaan yang dianuti turun-temurun oleh pelbagai etnik, bangsa dan masyarakat Daerah Belait.

Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Mat Zahri bin Haji Yusof yang juga selaku Penaung dan Penasihat Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria berkata, Malam Seri Budaya merupakan salah satu acara atau aktiviti di dalam senarai Pesta Muhibah Taman Jubli yang bertujuan bagi menggabungkan elemen seni budaya warisan kumpulan etnik dan semua masyarakat Daerah Belait.

Dalam waktu yang sama katanya, ianya juga dihasratkan bagi mempromosikan salah satu tempat kunjungan orang ramai dan menjadikan Taman Jubli Perak sebagai antara destinasi pelancongan serta menyebarkan lagi maklumat mengenai Kuala Belait dan sekitarnya bagi menarik lebih ramai lagi

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

pengunjung ke daerah itu.

Tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail telah merasmikan majlis berkenaan yang diadakan di Taman Jubli Perak, di sini.

Juga hadir isteri beliau, Dayang Aishah binti Abdullah dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, pihak swasta, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria seterusnya berkata, kejayaan menganjurkan aktiviti tersebut memerlukan penglibatan dan komitmen daripada ahli-ahli jawatankuasa dan jabatan-jabatan kerajaan lain serta pihak penaja yang bermurah hati menyumbang ke arah kesempurnaan majlis itu.

Sehubungan dengan itu beliau berharap bantuan dan kerjasama melalui tajaan itu dapat diteruskan dan dikekalkan di masa akan datang bagi kepentingan dan kemanfaatan bersama.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail semasa melanarkan Malam Seri Budaya yang diadakan di Taman Jubli Perak, Jalan Maulana, Kuala Belait, anjuran Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Katanya lagi, penglibatan semua pihak telah mengeratkan lagi pertalian di antara pihak kerajaan dan pihak swasta. Di samping itu ianya juga menunjukkan kerjasama yang padu bagi sama-sama memajukan perkembangan Daerah Belait selaras dengan tuntutan-tuntutan persekitaran masa kini yang semakin mencabar.

"Hubungan erat ini melalui kerjasama, penglibatan dan perpaduan merupakan penggerak ke arah menghidupkan suasana Kuala Belait dan Seria seterusnya mengangkat imej Daerah Belait," katanya.

Majlis anjuran Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria diadakan sempena Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001 yang memaparkan kekayaan Daerah Belait melalui khazanah seninya yang tersendiri, di samping artifak warisan etniknya, alam semula jadi dan pelbagai hidupan flora dan fauna.

Majlis malam itu telah di-

serikan dengan persembahan pentas termasuk tarian tradisi pelbagai kaum di daerah itu, nyanyian, pertunjukan fesyen pakaian, lakonan perkahwinan ala Brunei dan bermukun.



KAKITANGAN Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria mempersembahkan tarian Joget Tinting di Malam Seri Budaya. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

DI ATAS bukit itu terdirlah sebuah rumah papan yang sederhana besar milik Encik Baharuddin. Hari ini mereka sekeluarga berpindah ke rumah baru itu.

Dapat tinggal di rumah sendiri dikira baik dan istimewa. Ia sedikit sebanyak menyelamatkan ekonomi keluarga. Sekali gus mengurangkan beban. Terutama yang bergaji rendah.

Walaupun Encik Baharuddin dan isteri bekerja, namun wang gaji dirasai belum mencukupi. Perbelanjaan berlipat ganda setelah anak-anak mereka semua bersekolah. Enam orang anak, tiga lelaki dan tiga perempuan itu harus dipenuhi dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya. Bila dewasa kelak mereka tidak terkapar mencari arah. Mereka juga boleh berdikari sendiri. Dan berani serta yakin mencari tapak yang menjamin. Tidaklah merempat atau seperti si buta kehilangan tongkatnya. Anak-anak sering dinasihati. Agar mereka ingat dan sadar. Bahawa mereka berkewajipan membentuk diri sendiri agar mereka mempunyai wawasan dan keyakinan untuk maju ke hadapan. Bukan hanya pandai berangan-angan ataupun bercita-cita nak jadi ini dan itu tanpa berusaha.

Besar hasrat dan harapan Encik Baharuddin dan isteri terhadap anak-anak. Mereka berdua sentiasa mendoakan kejayaan anak-anak. Mereka pun menyedari, bahawa mereka tidak sentiasa muda. Mereka perlu berjimat cermat. Pelajaran anak-anak paling diutamakan. Sebagai orang tua yang prihatin harus mendidik dengan sebaik mungkin. Dengan sebaik didikan itu nantinya, anak-anak akan menghargai usaha mereka. Anak-anak akan tahu betapa mereka menginginkan anak-anak yang berguna. Berjasa pada bangsa dan negara sekali gus menjadi contoh dan teladan kepada anak cucu.

Isteri Baharuddin mula menarik nafas lega. Tinggal di rumah sendiri akan membuat dirinya lebih rajin. Di belakang rumah itu ia boleh bercucuk tanam. Kerana ianya melatih diri dan keluarganya berbudi pada tanah. Mungkin juga tanaman sendiri tidak akan meragukan mereka untuk makan. Jika beli sayuran di tamu-tamu, di hati ada rasa was-was, apakah sayuran dijual itu selamat? Maklumlah nak jaga kesihatan keluarga. Bila dengar berita di televisyen ada kalanya perbualan daripada rakan sekerja yang menyatakan, sayuran ini, sayuran itu banyak mengandungi racun dan kerana baja berlebihan itu agaknya sayuran itu, sayuran ini menjadi. Serba salah pula dan rasa ragu untuk membeli.

"Kau jangan main kebas sayuran tu, Zainab. Kau tak tahu sayuran tu selamatkah tidak."

Tiba-tiba rakan sekerjanya semacam menghasut. Zainab tak jadi pula membeli sayuran itu. Wajah penjual nampak berubah. Nampak

tersinggung dengan perlakuan Zainab dan rakan sekerjanya itu. Tiba-tiba hati Zainab rasa bersalah. Kenapa mudah saja ia menerima hasutan rakan sekerjanya itu. Pulang dari tamu, Zainab pulang dengan tangan kosong.

"Hai, tangan kosong saja ni?"

Baharuddin mula menegur isterinya setelah isterinya masuk.

"Rosmah yang kacau daun, bang. Balik ni bawa tangan kosonglah ..."

Zainab sedikit mengeluh.

"Apa kena dengan kamu berdua di tamu, tadi? Kata tadi, Zai nak belikan semuanya. Balik ni satu apa pun tak ada." Baharuddin nampak kecewa.

"Zai minta maaf, bang. Zai ... Zai sebenarnya."

Zainab semacam mahu menangis.

"Dah, dahlah ... abang tau. Abang tau mulut murai, si Rosmah tu yang membuat Zai keliru. Tak apalah, abang pergi beli sayur yang anak-anak kita mahukan. Sebagai orang tua kita kena tunjukkan bahawa kita menunaikan janji. Kalau makan

BESAR hasrat dan harapan Encik Baharuddin dan isteri terhadap anak-anak. Mereka berdua sentiasa mendoakan kejayaan anak-anak. Mereka pun menyedari, bahawa mereka tidak sentiasa muda. Mereka perlu berjimat cermat. Pelajaran anak-anak paling diutamakan. Sebagai orang tua yang prihatin harus mendidik dengan sebaik mungkin. Dengan sebaik didikan itu nantinya, anak-anak akan menghargai usaha mereka. Anak-anak akan tahu betapa mereka menginginkan anak-anak yang berguna. Berjasa pada bangsa dan negara sekali gus menjadi contoh dan teladan kepada anak cucu.

KEBESARANNYA



OLEH
ENNY ENG. S

C
E
R
P
E
N

Anak kedua berusia 17 tahun. Anak ketiga berusia 15 tahun. Yang lainnya berusia 13, 11 dan 9 tahun.

Melihat akan anak-anak itu, Baharuddin ingin menjadi seorang ayah yang sempurna dalam semua hal. Ia inginkan rumah tangga yang dibinanya sentiasa teguh walaupun pelbagai rintangan yang datang. Cinta terhadap isteri dan anak-anak akan sentiasa bersemadi di jiwa dan di hatinya. Begitulah kerukunan rumah tangga Baharuddin dan Zainab. Ini kerana kesefahaman mereka sekeluarga. Yang sentiasa bermuzakarah sesama mereka akan merapatkan lagi pertalian kekeluargaan.

Di pejabat, Baharuddin sudah lama diperhatikan oleh Mahadi. Ia cukup mengagumi perwatakan Baharuddin. Bukan saja seorang pekerja yang jujur dan amanah, malah ia seorang lelaki yang bertanggungjawab terhadap rumah tangga.

"Bahar, tolonglah aku. tolonglah ..."

"Dulu kau kata isterimu

bersalin bulan tujuh ..." Baharuddin sedikit keliru. Wajah Mahadi sedikit berubah.

"Oklah, aku tahu perasamu, Mahadi." Baharuddin mula bersetuju untuk menghantar adik Mahadi. Zainab menumpang dengan rakan sekerja untuk pulang. Pada mulanya Baharuddin mengajak isterinya, tetapi Zainab menolak. Katanya anak-anak pasti menunggu. Zainab tidak menghalang suaminya membantu orang. Zainab pun tahu suami mana tak sayangkan isteri. Apa lagi tika isteri sarat mengandung. Petang itu Baharuddin dijemput naik. Selepas itu dijemput makan malam bersama. Ditolak, Baharuddin agak keberatan kerana rasa hormatnya pada orang tua Mahadi. Akhirnya Baharuddin pulang lewat. Pulang ke rumah, Baharuddin benar-benar meminta maaf pada isteri dan anak-anaknya.

"Anak-anak sudah makan?" Baharuddin memastikan.

"Sudah, bang. Tadi mereka nak tunggu. Tapi Zai pujuk agar mereka makan dulu. Tau-tau mereka awal tidur. Letih agaknya."

Zainab bercerita panjang.

"Zai tentu belum makan?" Tiba-tiba Baharuddin berbisik ke telinga isteri tercinta. Zainab mengangguk manja.

"Zai sediakan ... abang pergi mandi, sekejap lagi abang datang ok." Dengan

PUISI PUISI PUISI

WIRA PAHLAWAN BANGSA

Gagah berani sumpah setia semangat perjuangan
setitik darah mengalir ke bumi bertuah
menyentuh seruan janji tak kan lenyap
walau tumbang tetap berkubur khabar
sekali melangkah tidakkan berpatah balik
demi Tuhan, agama, bangsa dan negara.

Terluah kata lalu di kota tidak terkata
hidup dan mati sudah takdir Tuhan
anak watan maju ke hadapan berdiri megah
kekuatan iman memerangi nafsu dan musuh
mengganggu ketenteraman, keamanan dan
kedaulatan negara
di bawah naungan payung mahkota panji-panji.

Wahai anak bangsa Melayu wira kebilangan
jangan abaikan dan persia-siakan tugas
turun-temurun sejarah Melayu yang jadi
ristaan
Wira pahlawan bangun bangkit mengimbas
sejarah
tanggal 31 Mei 2001 hari ulang tahun
angkatan
menempah sejarah baru detik
perkembangan.

Membangun maju mencapai tanda
kemenangan
keharmonian negara kesejahteraan rakyat
jasa bakti terbukti wira pahlawan
sumbangkan
sekalung doa buat perwira gugur tanda
kehormatan
seumur hidup jadi bualan sepanjang
wira pahlawan bangsa taat setiak raja.

Hj. Apendi Hj. Hidup

KEDAMAIAN

Sendiri
duduk di jeti
terapung teguh
di atas air.

Kilaunya air laut
memancar pandanganku
deruan perahu
membelah ombak
bebuih mengejar
namun hilang jua.

Kesian
Kesian ikan-ikan
diganggu kedamaian
dek manusia.

Apakah manusia kejam
hatiku lantas menjawab
mungkin tidak.

Namun
hatiku damai
memandang
keindahan.

Sesekali pandangan
beralih di sudut sana
seseorang menjemur
ikan masin.

Cuaca terik
panas membara
kering tekakku.

Namun
kedamaian itu
masih menyelina
di kalbu.

CAHAYAKU

Renungan sayu
mata ayu
buah hatiku
terkelip jua
dihembus bayu.

Cahaya
permata hati
kau penyuluh
kegelapanku.

Tangismu
sayu dikalbu
tawamu
riang terasa.

Perut kosong
kau menangis
kerana kutahu
cuma itu
bahasamu.

Namun
tiada bermakna
hidupku
kerana kau penyeri
pengikat kasih
ummi dan babah.

HIJRAH DIRI

Hijrah ...
Hijrah ...
Hijrah ...
selamat datang
tahun baru.

Bersama berhijrah
dari azam lama
tak terlaksana
tempuh tahun baru
tekad baru
azam dulu
genggam kembali.

Laksanakan
buktikan
tak sesia
keringat mengalir
hasil usaha
tekun rajin.

Buktikan
pada dunia
kau boleh.

Yakin diri
itu kunci
kejayaanmu.

DIBURU BAYANG

Luka sembuh
kembali berdarah
bayang semalam
sering dekatiku.

Bisikan suara halus
berdesir bagai angin lalu
membuat aku
sayu menitis air mata
membasahi pipi gebu.

Kutakut
melewat hari
kugentar
menanti esok.

Kucuba jua
hadapi dugaan
maha hebat.

Walau terseksa
kucuba percaya
bahawa
aku adalah aku.

Kuhanya mampu
berdoa
agar Tuhan
terus restu
hubungan kita
hingga
ke akhir hayat.

Nor Azimah

TAKDIR

Aku pasti tiada daya insan melawan takdir
Maha Esa penentu segalanya
mencerminkan keinsafan
manusia kepada Penciptanya.

Detik itu gunung-ganang
tunduk setia putaran alam
tiada haluannya ribut melanda menyapu
bersih
hanya sia-sia yang tinggal.

Insan dibangkit penghitung haluan
penghitung dosa dan pahala
senyuman insan bermain ceria bercahaya
kedatangan disambut mulia.

Ami. JA

Dari muka 12

kasih Baharuddin mengucup
pipi isterinya.

Suatu hari Mahadi sudah
berani berjumpa dengan
Zainab. Sejak perjumpaan
itu Zainab mulai berubah.
Baharuddin tertanya-tanya
akan perubahan Zainab. Bila
ditanya, Zainab tetap me-
ngunci mulutnya.

Di pejabat, kerja
Baharuddin kian merosot.
"Bahar, tahun lalu awal
dianugerahkan sebagai se-
orang pekerja cemerlang.
Awak harus menghargai
kecemerlangan diri." Suatu
hari bosnya menyuarakan
kesal. Akhirnya Baharuddin
menyuarakan resahnya.
Bosnya yang diibaratkan se-
orang ayah itu, diharapkan
dapat meredakan keresahan-
nya. "Hai, Bahar ... angau
betul kau sekarang ya." Mahadi
mengejutkan lamu-
nan panjangnya.

"Angau!" Baharuddin
mengerut dahi. Tak masuk
akal pula Mahadi berkata
begitu.

"Kura-kura dalam pera-
hu, pura-pura tak taulah kau
ni, Bahar." Mahadi sudah
ketawa besar.

"Kau bagai berteka-teki-
lah, Mahadi." Baharuddin
seperti orang bodoh.

"Malu betul kau nak me-
ngaku, Bahar. Kau tak
bertepuk sebelah tangan,
Bahar. Adik aku Wati pun
dah sukakan kau. Lagipun
antara kau dan Wati, aku
sudah khabarkan pada isteri-
mu."

Kata-kata yang baru dilu-
ahkan Mahadi itu membu-
atkan Baharuddin hampir
jatuh daripada duduknya.
Kata-kata Mahadi itu seakan
memberi jalan penyelesaian
dalam resah yang selama ini
sudah buntu.

"Mahadi, tengah hari
nanti kau bawa adikmu di
tempat biasa kita minum."

Tiba-tiba Baharuddin
memutuskan. Mahadi mulai
menguntum senyum yang
cukup lebar.

Selepas menjemput anak-
anak, Baharuddin membawa
isterinya di sebuah restoran
yang mana Mahadi dan
adiknya sedang menunggu.
Zainab sedikit hairan tetapi
tetap mendiamkan diri.

AIR mata seorang lelaki mengalir.
Yang sepatutnya tidak harus jatuh di
hadapan perempuan. Tetapi ia terus
mengalir.

Tiba-tiba Mahadi menghentak
kepalanya ke dinding. Ia menangis
kesal. Betapa ia berdosa besar. Ia
telah mengikut hawa nafsu yang
menginginkan adiknya dilindungi se-
orang lelaki yang sempurna. Tetapi
caranya cukup salah. Ia hampir-hampir
merobohkan masjid yang telah lama
terdiri dengan cinta dan kasih sayang.

Setelah lapan mata bertemu,
saling melayan hati ...

"Kenapa diam? Bahar,
berkatalah ..." Mahadi mulai
bersuara. Nampak kurang
sabar.

"Apa dosa aku, Mahadi?
Mengapa kau buat aku
macam ni?" Baharuddin
melepas rasa marahnya.
Mahadi tersentak.

"Kaulah seorang kawan
yang cuba menikam demi
kehendak hati dan hawa naf-
sumu. Tanpa kau tersedar
kau telah banyak menyakiti
banyak hati. Kau sakiti hati
aku, hati isteriku, hati anak-
anakk. Malah hati adikmu
sendiri. Apa yang kau dapat,
Mahadi? Apa?"

Mahadi terus diam.
Adiknya sudah mengalir air
mata. Baharu ia ketahui hal
sebenar. Kenyataan dan
hakikatnya.

"Aku sudah tua, Mahadi
... tak terlintas dalam hatiku
untuk beristeri lagi. Zainab
adalah pertama dan terakhir
bagiku. Cintaku abadi, cuma
satu pada isteri dan anak-
anakk. Tanpa kau rasa mau,
kau cuba roboh masjid yang
telah lama kubina."

Air mata seorang lelaki
mengalir. Yang sepatutnya
tidak harus jatuh di hadapan
perempuan. Tetapi ia terus
mengalir.

Tiba-tiba Mahadi meng-
hentak kepalanya ke din-
ding. Ia menangis kesal.
Betapa ia berdosa besar. Ia
telah mengikut hawa nafsu
yang menginginkan adiknya

dilindungi seorang lelaki
yang sempurna. Tetapi cara-
nya cukup salah. Ia hampir-
hampir merobohkan masjid
yang telah lama terdiri de-
ngan cinta dan kasih sayang.

"Maafkan Abang Mahadi
dan Wati, Bang Bahar. Inilah
kesilapan yang besar yang
pernah kami lakukan. Kami
betul-betul minta maaf. Kak
Zainab, Wati minta maaf ...
sesungguhnya cinta Abang
Bahar terhadap Kak Zainab
tetap suci dan abadi."

Wati jujur memberi
pengakuan. Dengan keren-
dahan hati, Zainab memeluk
Wati. Baginya Wati ibarat
seorang adik. Selepas itu
Wati memberi isyarat pada
abangnya. Mahadi faham
akan isyarat itu. Mereka pun
beredar tanpa sebarang kata.
Kerana Baharuddin cuba
menenangkan fikiran.

"Abang, Zai minta maaf
atas sikap Zai selama ini.
Yang seharusnya Zai tidak
harus bersikap begitu Zai
khianati kepercayaan kerana
hasutan."

Zainab menangis kesal.
Tangan suaminya digeng-
gam erat.

"Kita saling menyintai
dan menyayangi. Atas cinta
dan kasih sayang ini, Tuhan
telah menyelamatkan masjid
kita. Sekarang kita tahu akan
kebesaran-Nya. Kita harus
bersyukur dan berterima
kasih pada-Nya."

Baharuddin mendakap
isterinya. Tanpa memperdul
ada mata memerhati.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

RTB berak
menakar mana-mana
jua rancangan

RABU 4 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : SABER RIDER AND THE STAR SHERIF/ X-MEN EVOLUTION
5.00	JUARA - SIARAN LANGSUNG
5.30	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE
5.45	BERITA
5.55	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Sambungan
6.25	BIMBINGAN MUKMIN
6.37	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM

7.00	BERITA NASIONAL
7.52	AZAN ISYAK
8.15	MAJLIS PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT KEBANGSAAN 1422 HJRAH/2001 MASIHI (MALAM KEDUA)
10.00	NEWS AT 10
10.30	SCIENCE 2000 - Ulangan
11.00	VENGEANCE UNLIMITED 'Clique'
11.55	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 5 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : DENVER: THE LAST DINOSAUR/ZIRKOS KIDS
5.00	NETWORK EARTH - 'Close To Edge'
5.30	MARI BELAJAR MENGAJI
5.45	BERITA

5.55	MARI BELAJAR MENGAJI - Sambungan
6.25	DARI MAHKAMAH KADI
6.37	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM

7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.52	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
9.50	DRAMA: TAKANA JUO KAMPUNG
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - Sambungan
11.00	WAYANG PILIHAN - 'Cocoon II'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 6 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	MEKAR
11.30	BERITA
11.40	JEJAK RASUL SIRI 5 - Ulangan
12.15	DISCOVER ISLAM: DR. ZAKIR NAIK
12.30	SEMAHYANG FARU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Babylon 5: The River Of Soul'
3.52	AZAN ASAR
3.56	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
4.40	ANIMATION HOUR: VOLTRON: DEFENDER OF UNIVERSE/SANG WIRA
5.30	AT TAHZIB
5.45	BERITA
5.55	AT TAHZIB - Sambungan
6.10	UNDERSEA EXPLORER - 'The Cayman Challenge'
6.37	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	BEDUDUN
7.52	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA: OPIS
9.30	TECHNOLOGY WORLD
10.00	NEWS AT 10

10.30	KHUTBAH JUMAAT
10.45	TELEDRAMA - 'Liku'
0.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 7 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY/MIKE, LU & OG
10.55	LITTLE STAR
11.20	BEDUDUN - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	BEDUDUN - Sambungan
12.00	TOMORROW'S WORLD
12.25	AZAN ZUHUR
12.32	DOKUMENTARI: GAYA HIDUP - Ulangan

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU: - 'Jacob Two Two And The Hooded Fan'
2.40	TINJAUAN - Ulangan
3.10	SPECIAL OPS FORCE - 'White Dragon'
3.52	AZAN ASAR
4.00	DISASTER AT SEA - 'Dangerous At Sea'
4.45	ANIMATION HOUR: GROUNDLING MARSH/POWERPUFF GIRLS
5.45	BERITA
6.00	DRAMA RTB : OPIS - Ulangan
6.37	AZAN MAGHRIB
6.43	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	KLINIK KITA
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	VARIASENI- Ulangan
9.50	TAYANGAN GAMBAR - 'The Sphere'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 8 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI

9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	TINDULANG BERSAMA CHEF WAN
10.40	FROOTERS
11.10	FILLER
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'In The Wildest Dream'
12.26	AZAN ZUHUR
12.32	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	BT GLOBAL CHALLENGE - 'Wellington - Sydney'
2.30	THE FUTURE OF THE CAR
3.00	CERMIN WARISAN
3.30	VISI REMAJA - Ulangan
3.52	AZAN ASAR
3.56	VISI REMAJA- Sambungan
4.05	PERTANDINGAN BAHAS SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAN MAKTAB PERINGKAT NEGARA 2001 - SUKU AKHIR KETIGA
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.30	MARI BELAJAR MENGAJI
5.45	BERITA
5.55	MARI BELAJAR MENGAJI - Ulangan
6.20	BIMBINGAN MUKMIN
6.37	AZAN MAGHRIB
6.44	AL-QURAN

MALAM

7.00	SEJUTA MAKNA
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Jejak Gelora'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	CODE NAME: ETERNITY - 'Chameleon'
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 9 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI- Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: C.O.P.S./LITTLE BEAR
5.00	TAMAN SARI (SIRI BARU)
5.15	SUKAN GLOBAL
5.45	BERITA

6.00	MINI DOKUMENTARI
6.37	AZAN MAGHRIB
6.45	SURAH NABIWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	ASBABUN NUZUL - (SIRI BARU)
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	MENJELANG HARI KEPUTERAAN
9.00	DRAMA CO PRODUCTION: - MANIS BERSERAN
9.30	IRAMA GENDANG
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	LAUGH AND ROLL
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 10 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : BETTLE JUICE/YOCKIES
5.00	DISCOVERY'S BABY ANIMAL TALES WITH JAKE
5.45	BERITA
5.55	DISCOVERY'S BABY ANIMAL TALES WITH JAKE - Sambungan
6.00	DRAMA CO PRODUCTION: MANJA-MANJA PIABONG - Ulangan
6.30	MINI DOKUMENTARI
6.37	AZAN MAGHRIB
6.45	FARAID

MALAM

7.00	MY BEST FRIEND IS AN ALIEN
7.25	DOKUMENTARI TEMPATAN -PRYNSA 3 - MAKTAB SAINS
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	MENJELANG HARI KEPUTERAAN
9.00	TINJAUAN
9.25	THE X FILES - 'Patience'
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE X FILES - Sambungan
10.45	ROSWELL - 'Missing'
11.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

'ROADSHOW' KELUARAN SETEM KENANGAN

SETEM KENANG-KENANGAN / COMMEMORATIVE STAMP

SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KE-55 TAHUN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

THE 55TH BIRTHDAY ANNIVERSARY OF HIS MAJESTY THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM
15 July 2001 bersamaan 23 Rabiul Akhir 1422

Butir-butir teknikal / Technical Detail

Peraka/Beruk/Designer: Siti Zaleha Hj. Kaprawi
Pencetak/Printer: Security Printers Malaysia
Proses Pencetakan/Printing Process: Offset
Ukuran Setem Stamp Size: 27.94mm x 44.45mm
Ukuran Setem dalam Miniature Sheet
Size of Stamp in Miniature Sheet: 40mm x 70mm
Perubahan/Perforation: 13 per 2cm

Harga/Price

Setem/Stamp: \$2.75/ser
Miniature Sheet: \$0.55/ser
Sampul Surat Rasmi Hari Peringatan/
Official First Day Cover: \$0.45/kpg/cover

Jabatan Perkhidmatan POS akan mengeluarkan Setem Kenang-Kenangan baru sempena memperingati Ulang Tahun Pagi Usia Keemasan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-55 Tahun. Pastikan Awda mendapat Koleksi setem baru ini yang akan dijual di kaunter-kaunter pejabat POS.

Postal Services Department will issued a new commemorative stamp to commemorate the 55th Birthday Anniversary of His Majesty Paduka Seri Baginda Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam. Please ensure that you get these stamps as collection to be put on sale at our Postal Counters.

tel: 02-222 955 / fax: 02-243 955

SETEM KENANG-KENANGAN / COMMEMORATIVE STAMP

EXPO ISLAM
ANTARABANGSA
INTERNATIONAL
ISLAMIC EXPO 2001
28 - 12 JANUARI/12 JANUARI
18 - 31 AUGUST

Butir-butir teknikal / Technical Detail

Peraka/Beruk/Designer: Siti Zaleha Hj. Kaprawi
Pencetak/Printer: Security Printers Malaysia
Proses Pencetakan/Printing Process: Offset
Ukuran Setem Stamp Size: 27.94mm x 44.45mm
Ukuran Setem dalam Miniature Sheet
Size of Stamp in Miniature Sheet: 40mm x 70mm
Perubahan/Perforation: 13 per 2cm

Harga/Price

Setem/Stamp: \$2.75/ser
Miniature Sheet: \$0.55/ser
Sampul Surat Rasmi Hari Peringatan/
Official First Day Cover: \$0.45/kpg/cover

Jabatan Perkhidmatan POS akan mengeluarkan Setem Kenang-Kenangan baru sempena memperingati Ulang Tahun Pagi Usia Keemasan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-55 Tahun. Pastikan Awda mendapat Koleksi setem baru ini yang akan dijual di kaunter-kaunter pejabat POS.

Postal Services Department with the cooperation of Multi Department will issue a new commemorative stamp to commemorate International Islamic Expo 2001, please ensure you get these stamps as collection to be put on sale at our Postal Counter.

tel: 02-222 955 / fax: 02-243 955

PERKHEMAHAN BELIA
ANTARABANGSA 2001
INTERNATIONAL
YOUTH CAMP 2001
5TH AUGUST 2001



tel: 02-222 955 / fax: 02-243 955

SETEM-SETEM kenang-kenangan dan sampul-sampul surat ini akan berada di pasaran dalam kuantiti yang terhad. Pastikan awda memperolehnya sebelum kehabisan dan kunjungi 'ROADSHOW' yang diadakan.

ڦرادوان ملوڪيس ڦوسٽر برهاس ملايو

Peraduan Melukis Poster BAHASA MELAYU sempena sambutan 40 tahun penubuhan DBP

TUJUAN

- 1) Sempena menyambut 40 tahun penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- 2) Untuk memberi kesedaran kepada orang ramai akan mustahaknya mendaftarkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang tercabar oleh arus globalisasi khususnya kepada para belia.
- 3) Menyebarluaskan kempen penggunaan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam khasnya dan antarabangsa amnya melalui poster.
- 4) Mencungkil bakat para pelajar dalam seni lukis dan reka bentuk.

SYARAT DAN PERATURAN

- 1) Peraduan ini dibukakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

- 2) Peraduan ini terbahagi kepada dua bahagian.

Bahagian A :

Pelajar dan orang ramai yang berumur 14 hingga 19 tahun.

Bahagian B :

Pelajar di institusi pengajian tinggi.

- 3) Di setiap bahagian, lukisan poster dibahagikan kepada dua kategori.

Kategori I :

Dilukis sepenuhnya dengan cara konvensional.
(Drawing by hand)

Kategori II :

Direka bentuk dengan bantuan komputer.
(Computer Generated)

- 4) Setiap peserta hanya dibolehkan menghantar tidak lebih dua buah poster.

- 5) Poster hendaklah berwarna dan karya asli peserta.

- 6) Ukuran poster minima A3 (297mm x 841mm), maksima A1 (594mm x 841mm).

- 7) Semua penyertaan akan menjadi hak milik DBP dan HSBC yang juga berhak untuk menggunakan, mencetak atau menerbitkannya tanpa meminta kebenaran dan tanpa memberi sebarang bayaran.

- 8) Peserta bolehlah memilih cogan kata yang disediakan atau mencipta cogan kata sendiri yang difikirkan sesuai. Cogan kata hendaklah dalam tulisan Jawi dan Rumi.

- 9) Satu panel hakim yang terdiri daripada ahli bahasa dan pelukis akan dibentuk untuk menghakamkan peraduan ini. Keputusan hakim adalah muktamad.

- 10) Panel hakim berhak meniadakan sebarang hadiah sekiranya didapati penyertaan yang diterima tidak mencapai tahap yang dikehendaki.

- 11) Pemenang peraduan akan menerima hadiah berupa wang daripada HSBC seperti berikut :

Bahagian A Kategori I

- Hadiah Pertama - \$500.00
- Hadiah Kedua - \$350.00
- Hadiah Ketiga - \$250.00
- 5 Hadiah Sagu Hati - \$150.00

Bahagian B Kategori I

- Hadiah Pertama - \$800.00
- Hadiah Kedua - \$600.00
- Hadiah Ketiga - \$400.00
- 5 Hadiah Sagu Hati \$250.00

Bahagian A Kategori II

- Hadiah Pertama - \$250.00
- Hadiah Kedua - \$200.00
- Hadiah Ketiga - \$150.00
- 5 Hadiah Sagu Hati - \$100.00

Bahagian B Kategori II

- Hadiah Pertama - \$400.00
- Hadiah Kedua - \$300.00
- Hadiah Ketiga - \$200.00
- 5 Hadiah Sagu Hati \$150.00

Semua pemenang juga menerima sijil dan hadiah buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

- 12) Penyertaan yang berjaya terpilih ke peringkat akhir penghakiman sahaja akan dipamerkan.

- 13) Peserta diminta menulis nama dan alamat di belakang kertas lukisan poster.

- 14) Semua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada:

Hari Sabtu 25 Ogos 2001, Jam 3.00 petang kepada :

Bahagian Seni Lukis dan Reka Bentuk,

Tingkat 4,

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Lapangan Terbang Lama, Berakas.

atau di mana-mana cawangan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di seluruh negara.



Anjuran:



Tajaan:



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Bahagian Seni Lukis dan Reka Bentuk, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas.
Telefon : 02-382511 sambungan 113 / 123



TAHUN 46

BILANGAN 27

RABU 4 JULAI, 2001

1422 رابو 12 ربيع الآخر، 1422

PERCUMA

**JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA JULAI 2001**

Tarikh	Hari	Pusat Perhentian	Jam
2 Julai, 2001	Isnin	Sekolah Rendah Masin	9.30 pagi
3 Julai, 2001	Selasa	Sekolah Rendah AHMY Katimahar	9.30 pagi
4 Julai, 2001	Rabu	Sekolah Rendah Jerudong	9.00 pagi
5 Julai, 2001	Khamis	Sekolah Rendah Kasat	9.30 pagi
7 Julai, 2001	Sabtu	Sekolah Rendah Mentiri	9.00 pagi
7 Julai, 2001	Sabtu	Institut Tahfiz Al-Quran	2.30 petang
9 Julai, 2001	Isnin	Sekolah Rendah Mulaud	9.30 pagi
10 Julai, 2001	Selasa	Sekolah Rendah Junjongan	9.30 pagi
11 Julai, 2001	Rabu	Sekolah Rendah Penglima Berudin Limau Manis	9.30 pagi
12 Julai, 2001	Khamis	Sekolah Rendah Lumapas	9.30 pagi
14 Julai, 2001	Sabtu	Sekolah Rendah PPSDSB Perpindahan Mata-Mata	9.30 pagi
17 Julai, 2001	Selasa	Sekolah Rendah Bebuloh	9.30 pagi
18 Julai, 2001	Rabu	Sekolah Rendah Putat	9.30 pagi
19 Julai, 2001	Khamis	Sekolah Rendah OKSB Kilanas	9.30 pagi
21 Julai, 2001	Sabtu	Sekolah Rendah Panchor Murai	9.30 pagi
21 Julai, 2001	Sabtu	Institut Tahfiz Al-Quran	2.30 petang
23 Julai, 2001	Isnin	Sekolah Rendah Serasa	9.00 pagi
